

**GUGUSAN LATAR DALAM NOVEL *RIMBA*
HARAPAN MELALUI PENDEKATAN
FORMALISTIK**

**IRDINA AISYAH BINTI MOHAMED KHAIRI
C22A0193**

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2025**



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Gugusan Latar Dalam Novel *Rimba Harapan* Melalui
Pendekatan Formalistik**

Irdina Aisyah Binti Mohamed Khairi

C22A0193

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian**

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

☒

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

☐

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
Dari tarikh..... sehingga

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan
Irdina Aisyah Binti Mohamed Khairi
C22A0193

Tandatangan
Dr. Nordiana Binti Ab Jabar

Tarikh: 4/1/2025

Tarikh: 4/1/2025

PENGHARGAAN

Alhamdulillah seribu kali rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan kasih sayang-Nya telah berjaya saya melengkapkan Projek Penyelidikan ini dengan jayanya. Di kesempatan ini, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada setiap individu yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak terutamanya dalam membantu saya melengkapkan Projek Penyelidikan ini. Perjalanan saya untuk memenuhi syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian bukanlah perkara yang mudah. Oleh itu kepada keluarga tercinta iaitu ibu, Norzuknie Binti Mohd Zim ayah, Mohamed Khairi Bin Bahari, abang, Muhammad Alif Harith serta kakak Hadfina Mariam Jasmeen, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada ibu dan ayah yang tidak pernah berhenti berkorban dan sentiasa melengkapi hari-hari saya dengan kasih sayang serta doa yang menjadi penyuluh hidup demi memastikan kejayaan saya serta sentiasa berada di sisi di kala senang dan duka. Kepada Hammad Zarif, jutaan terima kasih juga diucapkan seikhlasnya kerana tidak pernah lelah memberikan dorongan, memahami kekangan yang saya hadapi serta telah menjadi pembuka ruang dan berkongsi ilmu yang tidak terhingga sehinggalah saya jatuh cinta dengan lebih dalam lagi dalam dunia kesusasteraan yang penuh dengan sinar magisnya.

Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Nordiana Binti Ab Jabar selaku penyelia Projek Penyelidikan saya yang tidak pernah jemu memberikan tunjuk ajar, berkongsi ilmu dan rezeki serta sanggup berkorban masa dan tenaga demi memastikan saya dapat melengkapkan Projek Penyelidikan saya dengan baik. Terima kasih Dr. Diana kerana sanggup membakar diri demi menjadi lilin yang menerangi perjalanan saya yang berada

di dalam kegelapan demi mengenali dunia dengan lebih baik lagi. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada para pensyarah yang turut memberikan tunjuk ajar dan berkongsi ilmu selama Projek Penyelidikan ini dijalankan.

Kepada rakan dan sahabat seperjuangan yang telah bersama-sama berkongsi perjalanan ilmu selama empat tahun di bumi Kelantan ini juga tidak akan saya lupakan segala nilai budinya. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sudi bersama-sama menelusuri perjalanan yang penuh dengan kenangan manis dan pahit demi mengejar ilmu yang bakal menerangi kehidupan seterusnya. Semoga persahabatan kita semua tidak berakhir sampai di sini sahaja, didoakan semoga kalian berada di dalam pelukan hangat Tuhan sentiasa bersama keluarga tercinta.

Akhir sekali, sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan khususnya bagi Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan kerana telah memudahkan urusan saya terutamanya semasa kajian ini dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

Irdina Aisyah Binti Mohamed Khairi

10, Laluan Meru Permai 3,

Halaman Meru Permai,

Bandar Meru Raya,

30020, Ipoh, Perak.

No. Tel: 019-2832214

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGAKUAN TESIS	I
PENGHARGAAN	II
ISI KANDUNGAN	IV
ABSTRAK	
<i>ABSTRACT</i>	

BAB 1 PENGENALAN	HALAMAN
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Definisi Konsep	5
1.2.1.1 Latar Novel	7
1.2.1.2 Teori Formalistik	7
1.3 Permasalahan Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Batasan Kajian	13
1.6.1 Teks	13
1.6.2 Fokus Teori	14
1.7 Kepentingan Kajian	16
1.7.1 Individu	16
1.7.2 Masyarakat	17
1.7.3 Negara	18
1.8 Kesimpulan	19
BAB 2 KAJIAN LEPAS	
2.1 Pendahuluan	20

2.2 Kajian Lepas Mengenai Unsur Latar	21
2.2.1 Tesis	21
2.2.2. Artikel Jurnal	22
2.2.3 Lain-lain	24
2.3 Kajian Lepas Mengenai Novel <i>Rimba Harapan</i>	25
2.3.1 Tesis	25
2.3.2 Artikel Jurnal	26
2.3.3 Buku	27
2.3.4 Lain-lain	27
2.4 Kajian Lepas Teori Formalistik	28
2.2.2 Tesis	28
2.2.3 Artikel Jurnal	29
2.2.4 Buku	30
2.2.5 Lain-lain	30
2.5 Kesimpulan	32

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	33
3.2 Reka Bentuk Kajian	33
3.2.1 Dokumentasi	35
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	35
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	36
3.3.2 Kaedah Analisis Dokumen	37
I. Kaedah Analisis Teks	37
II. Kaedah Jurnal dan Buku	38

III. Kaedah Internet	38
3.3.3 Analisis Tematik	40
3.4 Pengenalan Teori Formalistik	42
3.4.1 Kaedah Penerapan Teori	42
I. Autonomi Sastera	44
II. Bahasa Sebagai Unsur Estetika	44
III. Kesatuan Organik	44
IV. Defamiliarisasi	45
V. Penekanan Struktur Dalaman	45
3.5 Kerangka Konseptual	46
3.6 Kesimpulan	47
BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	48
4.2 Latar yang Terdapat dalam Novel Rimba Harapan	50
4.2.1 Latar Masa	50
4.2.1.1 Waktu Pagi	51
4.2.1.2 Zuhur	52
4.2.1.3 Waktu Maghrib	53
4.2.1.4 Selepas Subuh	55
4.2.1.5 Lewat Pukul Sepuluh	56
4.2.2 Latar Masyarakat	57
4.2.2.1 Masyarakat yang Inginan Perubahan	58
4.2.2.2 Masyarakat yang Belum Bersedia Perubahan	61

4.2.2.3 Masyarakat yang Penyayang	62
4.2.2.4 Masyarakat yang Percaya Perkara Tahyul	63
4.2.2.5 Masyarakat yang Tidak Mementingkan	65
Pendidikan	
4.2.2.6 Masyarakat yang Mempunyai Pegangan	66
Agama	
4.2.2.7 Masyarakat yang Hidup dalam Kesusahan	68
4.2.2.8 Masyarakat yang Tidak Mudah Terpengaruh	69
4.2.2.9 Masyarakat yang Mementingkan Diri	71
4.2.2.10 Masyarakat yang Cekal	72
4.2.2.11 Masyarakat yang Cintakan Ilmu	73
4.2.2.12 Masyarakat yang Berdikari	75
4.2.2.13 Masyarakat yang Mementingkan	76
Generasi Muda	
4.2.2.14 Masyarakat yang Tidak Prihatin	78
4.2.2.15 Masyarakat yang Hanya Ingin	79
Kesenangan	
4.2.2.16 Masyarakat yang Saling Berganding Bahu	81
4.2.3 Latar Tempat	82
4.2.3.1 Dusun	83
4.2.3.2 Sungai	84
4.2.3.3 Surau	86
4.2.3.4 Balai Penghulu	87
4.2.3.5 Rumah Pak Kia	88
4.2.3.6 Kebun Getah	90
4.2.3.7 Kampung Ketari	91

4.2.3.8 Sawah	93
4.2.3.9 Genting Sempah	94
4.2.3.10 Kedai Runcit Zaidi	96
4.2.3.11 Kedai Runcit Maidin	98
4.3 Kesimpulan	100
 BAB 5 RUMUSAN	
5.1 Pengenalan	101
5.2 Rumusan Kajian	102
5.3 Implikasi Kajian	102
5.3.1 Implikasi Kajian Kepada Individu	104
5.3.2 Implikasi Kajian Kepada Masyarakat	104
5.3.3 Implikasi Kajian Kepada Negara	105
5.4 Cadangan	106
5.5 Kesimpulan	110
Bibliografi	112

GUGUSAN LATAR DALAM NOVEL *RIMBA HARAPAN* MELALUI PENDEKATAN FORMALISTIK

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis kumpulan latar yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Sasterawan Negara Keris Mas. Latar masa, latar masyarakat serta latar tempat termasuk dalam kumpulan latar ini. Kajian ini menggunakan pendekatan formalistik sebagai kerangka analisis utama. Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji peranan serta fungsi latar sebagai elemen dalaman utama yang membantu untuk membentuk struktur, tema dan makna teks secara keseluruhan tanpa mengira faktor luaran pengarang atau konteks sejarah. Kajian ini dijalankan dengan metodologi kualitatif yang melibatkan analisis teks yang melihat sama ada petikan tertentu mempunyai kaitan atau pertalian dengan elemen latar tersebut. Kajian ini menunjukkan bahawa latar masa yang berfokus pada era penjajahan British, latar tempat di kawasan pedalaman Pahang dan latar masyarakat Melayu luar bandar yang bergelut dengan kemiskinan, penindasan serta perubahan sosial. Gugusan latar ini membantu mengukuhkan tema harapan dan perjuangan. Ia juga menunjukkan bahawa pengarang boleh menggunakan latar ini sebagai medium penceritaan yang berkesan. Kajian ini menyimpulkan bahawa latar memainkan peranan penting dalam menggabungkan struktur teks dan membantu pembaca untuk memahami lebih baik nilai dan makna novel *Rimba Harapan*.

Kata kunci: Gugusan latar, latar masa, latar masyarakat, latar tempat, Keris Mas, *Rimba Harapan*, pendekatan formalistik.

THE CLUSTER OF SETTINGS IN THE *RIMBA HARAPAN* THROUGH THE FORMALISTIC APPROACH

ABSTRACT

This study uses the formalistic approach as the primary analytical framework to evaluate the cluster of settings in Keris Mas' novel *Rimba Harapan*, including temporal, spatial and social settings. Without heavily depending on outside variables this method concentrates on the text's internal components, such as language, place and narrative structure. The analysis shows that the novel's meaning, themes and conflicts are systematically shaped by the temporal setting during the British colonial period the spatial setting in Pahang's rural areas and the social setting of the Malay rural community. In addition to serving as physical backdrops, these groups of locations serve as symbolic mediums that depict life's hardships, colonial persecution, poverty and the Malay community's attempts to maintain their identity and dignity. The results show that *Rimba Harapan* use of location enhances the narrative structure and reaffirms the author's message, underscoring Keris Mas's capacity to create a literary work of great artistic and intellectual merit.

Keywords: *Cluster of setting, temporal setting, social setting, spatial setting, Rimba Harapan, Keris Mas, formalistic approach.*

BAB 1

1.0 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kesusasteraan merupakan satu bidang penting yang mendukung luas peranannya terutamanya dalam didapati membina sahsiah serta pemikiran insan seperti yang telah dinyatakan oleh Shahnnon Ahmad (1991). Hal ini dikatakan demikian kerana kesusasteraan ini sarat dengan nilai atau unsur-unsur yang bertujuan besar untuk mendidik nilai kemanusiaan yang tinggi dan cemerlang terutamanya dalam usaha untuk menanam sifat terpuji tersebut dalam diri seseorang individu. Seperti yang telah kita sedia maklum, sastera mendukung pelbagai makna serta maksud yang difahami mengikut kefahaman pelbagai pandangan. Pada awalnya, sastera merupakan perkataan yang berasal daripada perkataan Sanskrit iaitu 'Shastra' yang membawa makna kitab suci, karya, huruf serta buku. Sama seperti isi yang terkandung dalam sesebuah karya sastera, makna indah tersebut juga dapat dilihat pada 'su' yang terdapat dalam kesusasteraan dan 'ke-an' yang terdapat pada awal dan akhir perkataan sastera merupakan kesenian dan keindahan persuratan yang jelas menggambarkan kehalusan kata-kata suci yang dilampirkan.

Di samping itu, sastera terbahagi kepada dua bahagian. Hal ini dikatakan demikian kerana antara bahagian yang jelas dapat dilihat merupakan kesusasteraan tradisional dan juga kesusasteraan moden. Kesusasteraan tradisional ini terbahagi pula kepada empat pecahan utama iaitu sastera lisan, sastera tulisan, puisi tradisional yang merangkumi syair, gurindam, nazam dan juga seloka.

Tidak terlepas juga prosa tradisional yang mengandungi hikayat-hikayat Melayu klasik. Bagi kesusasteraan moden pula hanya terbahagi kepada tiga bahagian utama sahaja iaitu puisi moden iaitu sajak, cerpen dan juga novel. Oleh itu, pengkaji telah memilih untuk mengkaji novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini sebagai bahan utama dalam menyempurnakan kajian ini.

Kamaludin Muhammad atau lebih mesra lagi dikenali dengan nama penanya iaitu Keris Mas bukan lagi seorang insan yang asing dan kehadirannya merupakan ibarat permata dalam dunia sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau merupakan seorang tokoh kesusasteraan pertama yang telah diberi penghormatan sebagai Sasterawan Negara pada 26 April 1981. ‘Seni untuk Masyarakat’ merupakan konsep utama yang Keris Mas berpegang teguh dalam ASAS 50. Untuk menyampaikan pengalaman dan kisah hidupnya bukanlah perkara yang asing lagi bagi Keris Mas kerana beliau merupakan seseorang yang sememangnya dekat dengan masyarakat dalam usaha untuk menyampaikan ilmu pengetahuan di dada dan juga pengalaman yang mendewasakannya. Keris Mas memulakan kerjanya yang mulia dengan menjadi seorang pendidik anak bangsa di sebuah Madrasah Khairiah di Temerloh, Pahang malahan beliau juga mengambil peluang ini menaburkan khidmatnya sebagai seorang Pegawai Penerangan, Parti Kebangsaan Melayu Malaya atau lebih dikenali sebagai PKMM. Oleh itu, memang tidak dapat disangkal lagi terdapat banyak jasa dan ilmu yang telah beliau berikan sepanjang tempoh beliau berkhidmat sehinggalah beliau telah dijemput ke negeri abadi oleh Ilahi pada 9 Mac 1992.

Novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini merupakan sebuah karya yang berjaya menceritakan tentang penerokaan dan pembukaan beberapa buah perkampungan yang terdapat di Pahang pada dekad 1920-an hingga 1930-an iaitu

pada zaman pra-merdeka lagi. Negeri yang berdiri megah ini semestinya memiliki serta kaya dengan 1001 cerita permata dan rahsia tentang penubuhan dan keutuhannya sehingga ke hari ini. Keris Mas telah berjaya menggambarkan situasi yang dihadapi oleh masyarakat di Pahang tersebut dengan gambaran yang baik dan jelas yang dilihat mampu membantu para pembaca memahami konteks makna yang ingin disampaikan oleh pengarang. Di samping itu, Keris Mas juga dilihat telah berjaya mengetengahkan isu-isu utama seperti isu sosial, ekonomi dan pertentangan serta perbezaan pendapat ke arah kemodenan yang cuba dilaksanakan mengikut dasar penjajahan. Seperti yang telah dijelaskan dalam novel *Rimba Harapan*, dasar penjajahan yang dilakukan ini telah memaksa perluasan penanaman getah serta perlombongan bijih timah yang dijalankan secara besar-besaran sebaik sahaja tamat Perang Dunia Pertama. Situasi tersebut telah menyebabkan kehancuran serta bencana alam namun bagi penjajah Inggeris, mereka memandang bencana ini sebagai sebuah lubang utama dalam meluaskan empayar mereka seiring satu cara bagi mereka untuk menakhluki bumi Pahang demi kepentingan mereka sendiri.

Seperti yang kita sedia maklum, Keris Mas ini mempunyai gaya penulisannya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat sebahagian besar jumlah karya Keris Mas yang memaparkan latar masyarakat Melayu yang sedaya upaya beliau cuba gambarkan dalam hasil-hasil karya penulisan beliau. Oleh itu, bagi novel *Rimba Harapan*, latar masyarakat yang beliau menitik beratkan merupakan masyarakat yang tidak pernah lelah dalam usaha untuk keluar daripada kesan penjajahan yang dilakukan oleh kuasa-kuasa besar Barat yang telah banyak meninggalkan parut yang mendalam kepada masyarakat yang digambarkan dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kepentingan novel *Rimba Harapan* hasil karya Keris Mas sememangnya memaparkan kehebatannya terutamanya dalam khazanah kesusasteraan Melayu moden. Novel *Rimba Harapan* yang memberi gambaran jelas tentang kehidupan semasa era kolonial ini sememangnya sarat serta kaya dengan mesej yang menggambarkan perjuangan sekelompok masyarakat yang sedaya upaya mencuba untuk menjalankan kehidupan harian mereka di luar bandar. Hal ini dikatakan demikian kerana sekumpulan kecil masyarakat luar bandar yang digambarkan dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini masih berusaha untuk menyesuaikan diri dengan arus kemodenan yang cuba dibawa masuk ke dalam kehidupan mereka misalnya daripada aspek sosial, ekonomi serta politik. Keris Mas sering menjelas dan menggambarkan realiti kehidupan yang dihadapi oleh masyarakat setempat serta telah dilihat juga bahawa Keris Mas telah berjaya menggambarkan konflik serta perselisihan yang berlaku antara tradisi yang telah menjadi turun temurun serta kemajuan yang diperkenalkan oleh anasir luar kepada kelompok masyarakat ini.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa usaha yang dilakukan oleh Keris Mas ini adalah bertujuan untuk mengangkat suara-suara masyarakat bukanlah perkara yang janggal lagi. Menurut W.N. Khuzairey (2021) hal ini berkait rapat dengan karya-karyanya yang banyak menyentuh serta menyuarakan tentang isu perubahan sosial politik yang berlaku pada ketika itu termasuklah mesej yang dijelaskan dalam novel *Rimba Harapan* yang menjadi teks utama bagi kajian ini. Keris Mas banyak menggambarkan latar tempat, latar masa serta latar masyarakat yang bertujuan untuk mengangkat lagi nilai karya-karyanya

di samping bertujuan untuk menitik beratkan tentang tema dan persoalan yang dijelaskan dalam novel *Rimba Harapan* ini.

1.2.1 Definisi Konsep

Seperti yang kita telah jelas sedia maklum, novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini merupakan hasil penulisan realisme yang sering menyentuh dan mengangkat tema perjuangan. Hal ini dikatakan demikian kerana perjuangan yang digambarkan dalam novel *Rimba Harapan* ini merupakan perjuangan masyarakat luar bandar yang berusaha untuk membebaskan diri mereka daripada terperangkap dan terpalit dalam kancah penindasan, kemiskinan, penderitaan dan juga kejahilan. Oleh itu, Keris Mas berjaya mengetengahkan impian serta harapan latar masyarakat iaitu seseorang insan biasa yang dahagakan kemajuan serta perubahan tanpa memandang enteng tentang budaya dan adat setempat. Terdapat beberapa definisi konsep latar yang telah berjaya Keris Mas gambarkan dalam novel *Rimba Harapan* yang menjadi bahan utama kajian ini.

Latar watak merupakan salah satu perkara utama yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, watak utama di dalam novel *Rimba Harapan* ialah seorang lelaki yang sudah lewat usianya yang dikenali sebagai Pak Kia yang merupakan salah seorang penduduk di perkampungan Pahang ini. Menurut Mizhar Mazlan (2014) Pak Kia merupakan seorang lelaki yang sudah berusia namun memiliki semangat dan jiwa yang kental serta sentiasa memegang teguh kepada adat yang telah ditinggalkan oleh nenek moyangnya sejak berzaman lagi. Keris Mas telah berjaya memberi gambaran utama bahawa watak utama ini sebagai seorang yang

sentiasa mempertahankan tradisi yang telah wujud sekian lamanya disamping sememangnya menolak apa-apa bentuk penindasan terhadap orang lain. Kekentalan hati watak ini yang memang tidak dapat disangkal lagi yang tetap enggan tunduk serta menyembah penjajah serta sistem yang ditetapkan ini membuatkan Pak Kia tekad untuk meneroka dan membuka penempatan baharu di dalam hutan. Berbeza pula dengan adiknya Zaidi, yang memiliki sifat keterbukaan akan perubahan dan pandangan yang lebih fleksibel dalam keputusan yang dibuat olehnya. Sifatnya yang berbeza dan bertentangan dengan watak Pak Kia membuatkan watak Zaidi digambarkan sebagai seseorang individu yang lebih berfikiran terbuka di samping bersedia untuk menuju ke arah kehidupan yang lebih moden dan menyesuaikan diri mengikut arus kemodenan yang sedang menjana pesat dan maju.

Negeri Pahang yang terdiri daripada beberapa buah daerah seperti Ketari, Bentong serta Janda Baik dalam dekad 1920-an hingga 1930-an merupakan latar tempat yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* ini. Berita Harian (2016) menyatakan bahawa sebelum dinamakan sebagai Janda Baik, perkampungan yang terletak di pinggir Banjaran Titiwangsa sebelum ini memiliki nama yang berbeza iaitu Kampung Tiga Haji sebelum ditukarkan kepada perkampungan Janda Baik. Jauh dari hutan konkrit yang menjanjikan udara yang segar ini telah dijadikan sebagai salah satu latar tempat yang menjadi pilihan Keris Mas dalam novel *Rimba Harapan*. Oleh itu, sebagai seorang anak jati Pahang, semestinya Keris Mas akan sedaya upaya berusaha untuk meningkatkan dan menggambarkan lagi keistimewaan kampung sejahtera kelahirannya dalam karya-karya penulisan di samping menjelaskan tentang pembukaan perkampungan yang menjadi tempat mencari pengalaman serta memori

sehingga Keris Mas menjadi seorang insan yang hebat dan berjaya seperti yang kita kenali hari ini.

1.2.1.1 Latar Novel

Nazirah Ismail (2020) berpendapat bahawa latar mendukung makna yang luas dan pelbagai. Hal ini dikatakan demikian kerana kepentingan konteks atau latar yang digambarkan dalam sesebuah karya adalah antara elemen utama yang perlu dititik beratkan oleh penulis kerana latar ini sememangnya dapat membantu para pembaca untuk lebih memahami dan mendalami sesebuah jalan penceritaan yang cuba disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Dalam dapatan kajian Normaliza Abd Rahim (2019) mendapati bahawa terdapat beberapa persamaan serta kelainan yang membezakan yang terdapat dalam elemen latar bagi setiap karya dihasilkan. Misalnya, pengarang menggambarkan latar tempat iaitu rumah yang didiami oleh sesebuah keluarga. Rumah indah yang digambarkan dalam novel *Rimba Harapan* ini menjadi tanda atau lambang kekuatan sesebuah ikatan hubungan kekeluargaan yang wujud di antara ahli keluarga disamping menjadi tempat berteduh dari segala ancaman dan bahaya bagi mereka sekeluarga.

1.2.1.2 Teori Formalistik

Terdapat banyak pandangan yang beranggapan bahawa hampir kesemua teori berasal daripada formalistik yang dilihat melazimi teori moden, pascamoden serta hipermoden. Jika dilihat daripada segi sejarahnya, teori

formalistik ini merupakan sebuah teori yang sering membincangkan tentang kaedah membina sebuah teks sastra yang sudah lama kewujudannya dan dianggap sebagai sebuah teori sastra terawal. Hasil pembinaan asal usulnya ini bermula dengan penghasilan buku klasik *The Poetics*. Mana Sikana (2009) menyatakan bahawa beliau menyarankan bahawa setiap individu sewajarnya mempelajari, berusaha memahami dan hendaklah menguasai teori formalistik ini.

Di Malaysia, pendekatan formalistik pada lazimnya dikenali dengan pendekatan struktural yang banyak menjelaskan tentang pembinaan aspek formal dan struktur yang membina sesebuah teks sastra. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara ini akan diteliti dan dikaji dengan terperinci yang akan membantu untuk membentuk susunan sesebuah karya sastra tersebut seperti penelitian yang dilakukan atas persoalan yang akan menjadi tema serta pemikiran penulis, mencari makna serta mesej yang ingin penulis sampaikan kepada khalayak. Oleh itu jika diselusuri dengan lebih mendalam lagi, antara aspek lazim yang akan diberikan perhatian merupakan aspek bahasa, plot, sudut pandangan, watak serta latar yang menjadi sumber utama dalam penghasilan sesebuah karya kreatif.

1.3 Permasalahan Kajian

Pada kebiasaannya dalam usaha menjalankan kajian, majoriti kajian yang dijalankan pasti akan mempunyai sedikit ketidaksempurnaan atau masalah yang mencacat-celakan kajian tersebut. Isu ini bukanlah perkara yang asing lagi kerana ia merupakan salah satu proses dalam melengkapkan kajian tersebut. Dengan mengenal pasti permasalahan kajian ini, ia akan dapat membantu pengkaji dalam usaha untuk mengenal pasti persoalan kajian serta objektif kajian yang pengkaji jalankan. Seperti yang telah berjaya pengkaji kesan, terdapat tiga permasalahan utama yang terdapat dalam kajian ini. Antaranya merupakan:

Mohd Khairul Adenan (2018) menyatakan bahawa pengarang pada hari ini kurang menitik beratkan penggunaan latar dalam penghasilan karya-karya mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang dapati pada hari ini lebih tertumpu kepada penggunaan bahasa serta gaya bahasa seperti dialek, penggunaan slanga, diksi serta dialek dan perkara ini seolah-olah menolak fungsi latar sebagai salah satu pelengkap yang penting dalam menyempurnakan sesebuah karya teks sastera. Penyampaian mesej yang baik tentang latar akan dapat membantu para pembaca serta khalayak untuk lebih memahami mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang di samping dapat membantu mereka meluaskan lagi imaginasi mereka akan sesuatu perkara yang digambarkan dalam karya sastera tersebut. Oleh itu, telah didapati bahawa aspek latar sememangnya penting dalam usaha untuk menjadi pelengkap dalam sesebuah teks sastera yang dihasilkan.

Selain itu, cabaran permodenan kepada masyarakat terutamanya daripada segi pendidikan. Kenyataan di atas telah dinyatakan oleh Nadzarul Amir Zainal Azam (2023) yang berpendapat bahawa para pendidik pada hari ini lebih bebas mendekati pelajar di mana-mana sahaja mereka berada di samping dapat membantu dalam usaha untuk mendidik masyarakat akan kepentingan ilmu pengetahuan terutamanya dalam dunia yang sedang berkembang maju mengikut arus globalisasi ini. Namun, arus pemodenan yang cuba dibawa bukanlah sesuatu perkara yang boleh diterima oleh semua golongan masyarakat sehingga perkara ini telah menimbulkan beberapa spekulasi yang menentang pemodenan yang sedang diusahakan. Oleh itu, cabaran pemodenan ini menjadi salah satu perkara penting dalam usaha untuk memajukan sesebuah negara mestilah melalui daripada aspek pendidikan.

Di samping itu, Nasrullah Mambrol (2025) menyatakan bahawa pada lazimnya teori formalistik ini banyak memfokuskan kepada struktur, gaya bahasa, bentuk, plot, tema serta watak namun tidak menitik beratkan tentang konteks biografi penulis, sosial budaya serta sejarah yang boleh menjadi pelengkap kepada hasil karya sastera yang menjadi pembawa mesej kepada khalayak tersebut. Hal ini telah menyebabkan khalayak pembaca kurang memahami atau jelas tentang sosial budaya serta sejarah yang lazimnya tidak seharusnya diketepikan oleh pengarang dalam penghasilan karya teks sastera mereka. Perkara-perkara tersebut boleh membantu pembaca untuk lebih memahami maklumat yang disampaikan semasa proses pembacaan ini dilakukan.

Oleh itu, kajian yang diusahakan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan tentang penghasilan karya sastera moden yang dilengkapi dengan latar, konteks

sosial serta budaya serta elemen sejarah yang tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan tentang cabaran pemodenan yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat terutamanya daripada segi pendidikan, aspek latar yang tidak dititik beratkan oleh pengarang dalam penghasilan karya-karya mereka serta teori formalistik yang pada kelazimannya hanya memfokuskan kepada gaya bahasa, struktur, plot, bentuk, tema serta watak yang disuntik dalam karya teks sastera tersebut.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjelaskan tentang tiga persoalan yang dilakukan oleh pengkaji menerusi kajian iaitu:

- I. Apakah jenis latar yang pengarang gambarkan yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini?
- II. Apakah kepentingan pendidikan dalam mempengaruhi gaya pemikiran dan individu berdasarkan novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas?
- III. Apakah kepentingan teori formalistik dalam membantu menjelaskan konteks sosial dan budaya yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas?

1.5 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian yang akan dinyatakan dalam kajian yang dilakukan ini iaitu:

- I. Mengenal pasti jenis-jenis latar yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas.
- II. Mengenal pasti tahap pemikiran watak melalui latar yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas.
- III. Mengkaji keterbatasan teori formalistik yang digambarkan dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas.

1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji tidak mampu untuk merangkumkan dengan khusus dan terperinci terhadap semua jenis latar yang terdapat dalam kajian yang dilakukan olehnya, oleh itu pengkaji telah membataskan bahawa kajian ini adalah memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji telah menghadkan skop kajian yang akan dilakukannya kepada beberapa jenis latar yang telah dikenal pasti dalam kajian ini seperti latar masa, latar tempat serta latar masyarakat. Oleh itu, pengkaji hanya akan membuat kajian mengenai latar-latar yang telah dinyatakan agar kajian ini akan dapat menjelaskan aspek latar masa, latar tempat serta latar masyarakat secara lebih terperinci serta lengkap.

1.6.1 Teks

Keris Mas sememangnya telah banyak mengarang dan menulis karya-karya yang berteraskan tentang masyarakat di negara ini. Novel *Rimba Harapan* merupakan antara sebuah karyanya yang telah banyak menyentuh perihal masyarakat Melayu pada dekad 1920-an hingga ke 1930-an. Novel *Rimba Harapan* ini mengisahkan tentang penjajahan British yang telah berlangsung serta berkuasa di Tanah Melayu. Keris Mas telah menggambarkan tentang bagaimana penjajahan British telah meninggalkan kesan di Tanah Melayu pada zaman tersebut dan beliau banyak menyentuh tentang latar seperti latar masa, latar tempat serta latar masyarakat yang terjejas kesan daripada penjajahan yang telah dilakukan. Bagi latar masa pula, Keris Mas telah memberi gambaran masa pada abad ke 1920-an ke abad 1930-an. Selain itu, latar tempat yang telah digambarkan oleh Keris Mas merupakan kawasan pedalaman seperti Ketari, Bentong serta Janda Baik. Akhir sekali, latar masyarakat yang dijelaskan dalam novel *Rimba Harapan* ini

merupakan masyarakat Melayu yang hidup dalam kesempitan dan sentiasa belajar untuk meneruskan kehidupan dalam keadaan yang sebegitu rupa. Oleh itu, novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini telah menjadi teks pilihan utama pengkaji.

1.6.2 Fokus Teori

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menyatakan bahawa formalistik ini membawa makna terlalu berpegang atau bergantung kepada sesuatu bentuk seperti yang telah ditetapkan. Teori formalistik ini merupakan sebuah pendekatan dalam sastera yang memberikan fokus utama kepada struktur serta bentuk sesebuah karya sastera. Jika dilihat pada permulaannya, pendekatan ini mula berkembang dan meluas di Rusia pada sekitar awal abad ke-20 dan ia dikenali sebagai *Russian Formalism* yang pada kemudiannya diperluaskan lagi menerusi pelbagai jenis bentuk oleh pengkritik Barat. Teori formalistik ini memfokuskan kepada struktur naratif, gaya bahasa yang digunakan, irama, simbol yang menjadi gambaran utama dan teknik penceritaan yang mengetepikan faktor luaran misalnya biografi pengarang karya, konteks sejarah yang dipaparkan serta kesan yang ditinggalkan kepada pembaca. Oleh itu, sistem serta mekanisme yang tersendiri dapat dianalisis secara objektif dilihat menjadi salah satu pendekatan utama dalam teori formalistik ini.

Di samping itu, jika dilihat pada keseluruhan fokus teori, salah satu prinsip utama yang ditekankan dalam teori formalistik ini merupakan *defamiliarization* atau juga dikenali sebagai *ostranenie*. Hal ini dapat dikaitkan dengan teknik formalistik kerana ia merupakan sebuah usaha yang dilakukan

untuk menjadikan sesuatu perkara yang dilihat biasa menjadi luar biasa dengan pengaplikasian bahasa yang unik dan pelbagai, penyusunan plot yang menarik serta penggunaan teknik yang asing. Perkara ini dilakukan adalah untuk memberikan pengalaman baharu kepada pembaca dan menggugat persepsi mereka yang bertujuan untuk menguji kepekaan mereka tentang teknik yang diaplikasikan dalam sesebuah karya sastera tersebut. Bentuk serta gaya penyampaian makna yang menarik ini menjadi salah satu fokus utama dan keindahan karya ini bukanlah dilihat pada sudut isi semata-mata. Oleh itu, penggunaan metafora, pengulangan serta susunan ayat yang digunakan dalam usaha untuk menyampaikan mesej kepada pembaca.

Setiap teori membawa makna serta kepentingannya yang tersendiri. Perkara ini juga dapat dilihat dalam teori formalistik yang memainkan peranan penting dalam menjadi asas kepada pendekatan sesebuah karya sastera terutamanya dalam pengkajian cerpen, drama serta puisi. Jika dilihat dengan lebih dalam lagi, pendekatan ini dijadikan sebagai sebuah alat analisis konkrit yang bertujuan untuk membantu para pembaca untuk lebih memahami keunikan, keindahan dan tahap estetika sesebuah teks sastera tanpa dipengaruhi oleh beberapa unsur luar misalnya latar sejarah, ideologi yang digambarkan serta nilai subjektif pengkritik. Hal ini dapat membantu para pengkaji untuk menilai keberkesanan yang ditinggalkan kepada pembaca melalui teknik serta gaya yang diaplikasikan oleh pengarang dalam usaha untuk membina sesebuah naratif serta mampu mencipta pengalaman estetik dan baharu kepada para pembaca. Pelajar serta penyelidik dapat lebih memahami akan struktur teks serta elemen bahasa yang digunakan dalam penyampaian mesej di samping dapat membantu mereka untuk lebih menghargai akan seni penulisan yang telah dihasilkan.

1.7 Kepentingan Kajian

Untuk memahami impak penjajahan dan proses dalam membina sesebuah identiti bukanlah perkara yang mudah. Pengkaji haruslah memahami dan jelas akan kepentingan kajian berdasarkan novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas. Oleh itu, kajian yang telah dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang mendalam serta memberi impak kepada individu, masyarakat dan negara. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti atau mendapat gambaran jelas tentang latar yang telah dapat dikenal pasti dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini. Kepentingan-kepentingan yang terdapat dalam kajian ini akan dapat membantu pengkaji mengenal pasti impak-impak yang akan ditinggalkan kepada beberapa golongan utama seperti yang telah dijelaskan iaitu individu, masyarakat serta negara.

1.7.1 Individu

Keadaan sesebuah situasi sosial serta politik adalah penting dalam pembinaan jati diri yang cemerlang bagi seseorang individu. Hal ini dikatakan demikian kerana, situasi sosial yang baik serta keadaan politik yang teguh sedikit sebanyak menjadi penyumbang utama dalam menjadi acuan diri kepada individu tersebut. Oleh itu, kajian yang dijalankan pengkaji ini akan memberi impak kepada individu khususnya para pelajar dalam usaha untuk lebih jelas dan memahami bagaimana latar yang terkandung dalam sesebuah karya sastera tersebut berperanan dalam menjadi cerminan utama keadaan sosial serta politik di samping analisis tentang era kolonial ini dapat membantu individu tersebut mengenal pasti tentang bentuk-bentuk penindasan, perjuangan mengekalkan identiti serta dapat memberi kesedaran dan membentuk jati diri individu sebagai warganegara yang mengenal

identiti bangsa sebagai nadi utama sesebuah negara selari dengan pendapat Mohamad Maulana Magiman (2019) yang menyatakan rakyat yang memiliki jati diri merupakan rakyat yang sayang akan bangsa serta negaranya.

1.7.2 Masyarakat

Masyarakat atau menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), sekumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan cara serta aturan cara tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana, penempatan yang menempatkan sekumpulan manusia ini akan membentuk sebuah masyarakat yang akan mengamalkan sesuatu budaya mengikut kesesuaian setiap anggota secara majoritinya. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah penting kerana kajian ini telah menemukan jalan dan ruang tentang kesan penjajahan yang ditinggalkan terutamanya daripada sudut budaya, nilai dan cara hidup masyarakat setempat. Hal ini dapat dilihat dalam latar tempat yang berbeza misalnya kota, kampung mahupun hutan sekalipun pasti akan dapat dilihat kesan serta pengaruh yang ditinggalkan terutamanya dalam sistem sosial serta cara sekelompok masyarakat itu berfikir.

1.7.3 Negara

Untuk membina wacana intelektual nasional bukanlah perkara yang mudah. Oleh itu, kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji tentang novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini sedikit sebanyak telah menyentuh tentang identiti serta pengalaman-pengalaman yang cuba disampaikan pengarang dalam novel *Rimba Harapan* ini. Pengarang telah berjaya menggambarkan situasi atau keadaan yang berlaku dalam negara pada waktu tersebut. Dengan mengangkat karya sastera *Rimba Harapan* hasil penulisan Keris Mas ini, kajian ini telah dapat memperkasakan serta mengenal pasti beberapa budaya yang mungkin tidak lagi diaplikasikan pada zaman ini, memperkasakan sistem pendidikan yang sememangnya menjadi penyumbang kepada pembentukan dan pembinaan sesebuah negara maju berpandukan kesan serta nilai yang diambil daripada pengalaman serta sejarah yang ditinggalkan.

1.8 Kesimpulan

Menurut kajian yang telah dilakukan, pengkaji telah berjaya mengenal pasti bahawa latar-latar yang telah digunakan dalam melengkapkan novel *Rimba Harapan* ini bukan hanya mempunyai unsur naratif, namun ia juga dapat berfungsi sebagai salah satu cerminan kepada konflik identiti, penindasan serta perjuangan yang diusahakan oleh sekelompok masyarakat. Pengaplikasian teori formalistik ini telah menjadi pelengkap dalam usaha untuk menyempurnakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Secara keseluruhannya, kajian yang telah dilakukan ini telah menjadi bukti bahawa sastera ini telah menjadi aspek atau wadah utama dalam usaha untuk mengangkat serta memperjuangkan lontaran suara masyarakat atau rakyat di samping dapat membentuk budaya dan identiti sesebuah negara yang cemerlang.

BAB 2

2.0 KAJIAN LEPAS

2.1. Pendahuluan

Pada bahagian bab 2 ini pula membincangkan tentang kajian yang telah berjaya dilakukan oleh para pengkaji yang terdahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang telah mengkaji tentang latar seperti latar masa, latar masyarakat serta latar tempat yang telah berjaya dikenal pasti dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas, kajian lepas novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas dan kajian lepas mengenai teori formalistik. Kajian ini telah berjaya dihasilkan dengan bantuan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu dan telah membantu pengkaji melengkapkan kajiannya ini. Kajian tentang latar masa, latar tempat serta latar masyarakat bukanlah perkara yang asing lagi untuk dibincangkan. Hal ini dikatakan demikian kerana hampir setiap novel terutamanya novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini sering kali menyentuh tentang ketiga-tiga latar yang telah dinyatakan seperti sebelum ini. Selain itu, novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini juga merupakan sebuah karya yang telah banyak dijalankan kajian sebagai teks utama. Bagi pengaplikasian teori pula, pengkaji telah memilih untuk menggunakan teori formalistik. Hal ini dikatakan demikian kerana ia berkait rapat dengan kandungan atau konteks yang diaplikasikan oleh Keris Mas iaitu penceritaan tentang situasi dan keadaan masyarakat setempat.

2.2 Kajian Lepas Mengenai Unsur Latar

Menurut seorang pengkaji iaitu Nazirah Ismail (2020) berpendapat bahawa latar mendukung makna yang luas dan pelbagai. Hal ini dikatakan demikian kerana kepentingan konteks atau latar yang cuba digambarkan oleh pengkarya dalam sebuah karya adalah antara elemen utama yang perlu dititik beratkan oleh penulis kerana latar ini sememangnya dapat membantu para pembaca untuk lebih faham serta peka akan sebuah jalan cerita yang cuba disampaikan oleh pengkarya dalam menyampaikan konteks ceritanya kepada pembaca. Dalam dapatan kajian Normaliza Abd Rahim (2019) mendapati bahawa terdapat beberapa persamaan serta kelainan yang terdapat dalam elemen latar bagi setiap karya dihasilkan. Misalnya, penulis memasukkan latar tempat iaitu rumah yang didiami oleh sesebuah keluarga. Rumah indah yang digambarkan dalam novel *Rimba Harapan* ini menjadi tanda atau lambang kekuatan sesebuah ikatan hubungan kekeluargaan yang wujud di antara ahli keluarga disamping menjadi tempat berteduh bagi mereka.

2.2.1 Tesis

Mohd Khairul Adenan (2018) telah menyatakan bahawa latar merupakan tentang gambaran lokasi, masa serta tentang siapa yang pengarang ingin tonjolkan dan memberikan gambaran kepada pembaca tentang konteks latar yang dimaksudkan oleh pengarang dalam novelnya. Misalnya, pengkaji telah membuat kajian tentang latar-latar yang terdapat dalam novel *Nasi Kangkang* karya Azwan Kamaruzaman menerusi kajian yang telah dilakukannya. Pengkaji telah menyenaraikan beberapa contoh latar masa, latar tempat serta latar masyarakat yang

yang telah berjaya pengkaji kenal pasti daripada sumber dapatan novel *Nasi Kangkang* karya Azwan Kamaruzaman tersebut. Oleh itu, kajian yang telah berjaya pengkaji hasilkan telah memberi beberapa contoh kepentingan latar yang digambarkan oleh pengkarya di dalam sesebuah penghasilan karya mereka.

2.2.2 Artikel Jurnal

Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Amir Zakiy Hamzah (2021), dapatan kajian yang telah berjaya dihasilkan oleh pengkaji tersebut mendapati terdapat beberapa peralihan pengkaryaan yang berlaku misalnya daripada segi watak serta latar yang dilihat mengalami beberapa proses intertekstual. Perkara ini dapat dikenal pasti kerana terdapat pertukaran karya yang berlaku pada watak serta latar yang mengalami proses intertektual iaitu daripada teks asal iaitu hipoteks ke teks baru hiperteks. Pada lazimnya, perkara ini dapat dilihat dalam teks-teks bertemakan sejarah kerana ia berkait rapat dengan penambahan latar, plot serta watak yang digambarkan dalam teks-teks sejarah tersebut.

Artikel yang bertajuk *Teori Sastera dalam Mengharungi Arus Globalisasi* hasil nukilan Mohamad Mokhtar Hassan (2009) yang telah menjelaskan tentang isu latar yang terdapat dalam kesusasteraan Melayu yang membincangkan konteks kepentingannya untuk membina sebuah teori sastera yang bergerak seiring dengan budaya serta nilai-nilai masyarakat Melayu. Dapat dilihat daripada artikel yang dinyatakan bahawa latar merupakan antara elemen penting dalam usaha untuk membina teori sastera tempatan yang melambangkan budaya serta sejarah Melayu. Jelas juga dapat dilihat bahawa latar bukanlah hanya melambangkan tempat mahupun

masa tetapi ia juga mendukung aspek keagamaan serta moral yang dapat membantu dalam melahirkan pemikiran dan nilai yang tinggi dalam sesebuah karya sastera. Oleh itu, artikel ini menjelaskan tentang fungsi latar yang terkandung dalam karya sastera Melayu secara lazimnya mencerminkan perubahan sosial yang dapat mempengaruhi identiti sesebuah kelompok masyarakat.

Untuk membangunkan sebuah jalan cerita dalam penghasilan sesebuah karya memerlukan penelitian yang tinggi terutamanya dalam pemilihan latar. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut kajian yang telah dihasilkan oleh Nazirah (2020) mendapati bahawa konteks ini lazimnya dipotretkan sebagai sebuah kisah tanpa cerita dan sekiranya tiada konteks yang diaplikasikan dalam karya tersebut, para pembaca mungkin akan sukar untuk memahami jalan cerita yang cuba disampaikan oleh pengarang. Oleh itu, dapat dilihat bahawa perkara ini berkait rapat dengan elemen konteks tersebut yang sememangnya dapat membantu pembaca untuk mengetahui susur galur atau sebuah jalan penceritaan karya sastera tersebut.

Abdul Ghani Abu (2014) menyatakan dalam jurnal tulisannya bahawa Keris Mas telah banyak menghasilkan latar watak yang memaparkan nilai-nilai murni dalam hasil karyanya. Hal ini dikaitkan dengan usahanya yang sedaya upaya mempotretkan sifat yang terpuji supaya dapat menjadi dorongan dan teladan kepada para pembaca agar mencontohi watak-watak yang telah menjadi penyeri dalam setiap karyanya. Begitu juga dengan latar watak Zaidi yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* ini yang mendukung watak ahli perniagaan yang berjaya dengan mempunyai pendirian yang teguh serta berfikiran terbuka dan jauh ke hadapan. Misalnya, watak Zaidi ini digambarkan sebagai seorang yang bekerja keras dan tidak mahu mengambil jalan

mudah hanya untuk mendapatkan kesenangan dan kemewahan tanpa memikirkan kesannya di kemudian hari. Oleh itu, jelas dapat dilihat bahawa Keris Mas sering menyuntik nilai-nilai murni seperti di dalam latar watak yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* ini.

2.2.3 Lain-Lain

Arif Mohamad (2020) berpendapat bahawa setiap karya atau teks mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana dapat dilihat dalam kajiannya yang menyatakan bahawa novel terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama merupakan bahagian luaran yang menjelaskan tentang jumlah perkataan yang digunakan, jumlah bab yang terkandung dalam karya tersebut serta setiap halaman yang menjadi muka kepada segala konteks yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam karyanya. Manakala dari segi dalaman pula mengandungi watak dan perwatakan, plot, sudut pandangan, nada, gaya bahasa dan semestinya latar-latar yang ingin digambarkan oleh pengarang dalam karyanya.

Selain itu, menurut akhbar Sinar Harian (2025), penulis telah menjelaskan tentang kepentingan latar yang digambarkan dalam sesebuah karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana karya sastera tersebut akan menjadi sebuah cerminan realiti kehidupan sosial, budaya yang diamalkan serta sejarah yang berlaku terhadap sekumpulan masyarakat. Menurut artikel tersebut, latar bukan hanya diaplikasikan sebagai medium yang melambangkan masa atau tempat semata-mata tetapi ia juga berfungsi sebagai alat imaginasi dalam usaha untuk menghidupkan naratif dan

berkemungkinan besar akan dapat membantu pembaca merasai makna yang lebih mendalam semasa membuat pembacaan sesebuah teks sastra tersebut.

2.3 Kajian Lepas Mengenai Novel *Rimba Harapan*

Untuk menghasilkan karya yang cemerlang di samping berupaya untuk mendidik masyarakat bukanlah perkara yang mudah untuk dilakukan. Hal ini tidak dapat dinafikan kerana keupayaan seseorang pengkarya menghasilkan sebuah karya yang mampu menyampaikan mesej serta maklumat yang jelas memerlukan pelbagai usaha, kajian, pemerhatian serta pengalaman yang tinggi supaya dapat mempengaruhi pemikiran masyarakat atau pembaca yang membaca karyanya. Novel *Rimba Harapan* karya sasterawan negara, Keris Mas bukan lagi karya yang asing dalam dunia sastra. Keris Mas yang merupakan seorang pengarang mapan telah banyak menghasilkan nukilan yang menggambarkan situasi atau senario yang berlaku dalam realiti kehidupan seharian seseorang individu. Oleh itu, beberapa contoh sorotan kajian lepas yang telah berjaya kenal pasti menerusi kajian-kajian yang telah berjaya dijalankan oleh para pengkaji terdahulu.

2.3.1 Tesis

Noraziah (2014) berpendapat bahawa untuk mengarang sebuah karya yang kukuh dalam kalangan masyarakat setempat bukanlah mudah, inikan pula bagi menyampaikan mesej bagi masyarakat luar yang tidak faham akan budaya yang menjadi seri dan bahasa yang menjadi medium utama dalam menyampaikan sebarang maklumat kepada pembaca

atau pendengar. Hal ini dapat dilihat dalam kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji ini dalam usaha untuk mengenal pasti faktor-faktor persamaan atau perbezaan antara budaya Malaysia serta dunia luar. Pengkaji telah menjalankan kajian terhadap novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas yang telah menjadi salah satu karya yang telah diterjemahkan kepada beberapa bahasa lain seperti bahasa Perancis. Oleh itu, kajian ini telah membuktikan bahawa karya-karya atau hasil nukilan anak Malaysia tidak dapat dinafikan lagi tinggi kualiti bahasa serta pencapaiannya.

2.3.2 Artikel Jurnal

Mohd Daud Ibrahim (2015) telah menyatakan dalam hasil kajiannya bahawa pengarang novel *Rimba Harapan* iaitu Keris Mas secara lazimnya banyak menghasilkan novel atau teks yang menggambarkan keadaan atau latar masa serta latar tempat yang menjadi tanah tempatnya membesar mengenal diri sehingga berjaya melangkah menjadi seorang penulis mapan. Hal ini berkait rapat dengan tempat kelahirannya iaitu Bentong, Pahang. Seperti yang telah dapat dikenal pasti, Keris Mas telah mendokumentasikan tentang pembukaan beberapa penempatan utama di Pahang. Antara latar tempat yang kerap kali di sentuh dalam novel *Rimba Harapan* ini merupakan Ketari, Janda Baik serta semestinya tidak dilupakan tanah kelahirannya, Bentong. Oleh itu, dapat dilihat bahawa Keris Mas sering kali akan memaparkan tentang negeri tempatnya membesar di samping dapat menambah ilmu pengetahuan baharu kepada para pembaca.

2.3.3 Buku

Menurut Jendela Dewan Bahasa dan Pustaka (2018) menjelaskan bahawa novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini menjadikan beberapa tempat sebagai latar tempat misalnya Ketari, Bentong dan Janda baik sebagai latar utama. Novel *Rimba Harapan* ini mengisahkan tentang masyarakat yang cuba menjalani kehidupan mereka selepas berakhirnya Perang Dunia Pertama dan kesannya peperangan tersebut telah membawa impak yang dalam serta besar terutamanya dalam aspek ekonomi dan kehidupan sosial seharian mereka. Oleh itu, masyarakat terpaksa mengadaptasi akan kehidupan baharu mereka yang terpaksa menjalankan kehidupan harian mereka dalam keadaan serba kekurangan dan bukan sahaja kesan daripada peperangan tetapi impak daripada bencana alam dan kenyataan ini yang sesuai dikaitkan dengan peribahasa Melayu iaitu sudah jatuh ditimpa tangga.

2.3.4 Lain-lain

Menurut Mizhar Mazlan (2017), pengkaji telah mendapati Keris Mas sering menggambarkan bagaimana penjajahan dan perubahan yang berlaku telah banyak mempengaruhi kehidupan seharian masyarakat setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana rata-rata masyarakat atau penduduk yang menetap di kawasan pedalaman seperti Bentong, Ketari dan Janda Baik pada akhirnya menjadi mangsa penjajahan yang dilakukan oleh para penjajah yang hanya ingin merampas semua kekayaan kawasan setempat tanpa memikirkan kesan yang akan berlaku kepada masyarakat setempat. Misalnya, ramai penduduk kampung yang tidak mempunyai pilihan oleh itu mereka

terpaksa meninggalkan kampung halaman mereka kesan buruk daripada bencana alam serta penjajahan yang berlaku. Oleh itu, Keris Mas banyak menyuntik tentang kisah-kisah perjuangan masyarakat Melayu dalam usaha untuk mengadaptasi akan perubahan zaman di samping terpaksa mendukung beban akibat daripada penjajahan yang dilakukan oleh kuasa-kuasa besar Barat.

2.4 Kajian Lepas Teori Formalistik

Kajian ini meneliti tentang penggunaan teori formalistik yang dilihat sebagai pelengkap dalam usaha kajian ini dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana teori formalistik ini akan meneliti sesebuah karya sastera berdasarkan unsur-unsur dalaman yang terdapat dalam sesebuah karya. Antara unsur yang dititik beratkan merupakan susunan plot, pola serta struktur yang diaplikasikan dalam teks karya sastera tersebut. Kemampuan teori ini adalah untuk memperluaskan kaedah analisis yang konsisten serta objektif kerana setiap karya akan dinilai mengikut gaya dan bentuknya yang tersendiri. Oleh itu, teori formalistik ini dapat membantu pembaca untuk lebih mendalami dan memahami keistimewaan sesebuah karya sastera.

2.4.1 Tesis

Teori yang berasal daripada Rusia ini merupakan sebuah teori yang pada lazimnya diaplikasikan oleh kaum Formalis Rusia iaitu Shlovsky, Jakobson dan Tynjanov yang sangat menegaskan analisis teks yang dilakukan secara ekstrinsik yang mengetengahkan beberapa elemen utama iaitu motif, gaya bahasa dan struktur naratif. Perkara yang menjadi fokus utama bagi teori formalistik ini merupakan unsur ekstrinsik karya yang

terhasil melalui keindahan bahasa yang digunakan. Menurut Fadlil Munawwar (2019) prinsip utama yang dikemukakan oleh Shklovsky ini adalah bertujuan untuk menghidupkan pengalaman estetika yang dirasakan oleh pembaca dengan penggunaan bahasa yang indah bukan seperti kebiasaannya.

2.4.2 Artikel Jurnal

Berdasarkan artikel yang dihasilkan oleh Inthumathi Segaran (2024), pengkaji menyatakan bahawa teori formalistik ini merupakan sebuah teori yang memfokuskan kepada analisis unsur intrinsik yang terkandung dalam sesebuah karya yang merangkumi plot, tema serta perwatakan. Kajian ini dilengkapi dengan pengaplikasian teori formalistik yang digunakan untuk menilai kritikan buku *Theernthu Pogataha Ventkattikal* karya K. Balamurugan dan pengkaji telah mendapati bahawa terdapat ketiga-tiga elemen formalistik yang dilihat sangat jelas dan menonjol dalam karya penulisannya. Hasil kajian ini juga telah mengadaptasi bahawa karya tersebut telah berjaya membina sebuah kritikan berpanduan naratif yang jelas, perluasan watak yang teratur dan tema-tema yang relevan yang digambarkan dalam karya tersebut. Oleh itu, jelas dapat dilihat bahawa teori formalistik ini sememangnya berkesan kepada kandungan teks yang dilihat secara terperinci dan teliti di samping perkara ini dapat membantu dalam memperkukuhkan peranan kritikan yang terdapat dalam dunia sastera.

Menurut Hashim Ismail (2019) beliau menyatakan dalam artikelnya yang telah menjelaskan tentang teori formalistik yang menegaskan tentang keindahan serta keistimewaan dan maksud yang terkandung dalam sesebuah karya sastera. Hal ini dapat dikaitkan dengan kesan emosi yang ditinggalkan kepada pembaca semasa proses

pembacaan dilakukan. Misalnya, kesan emosi serta estetika yang dirasakan oleh pembaca. Teori formalistik ini juga dilihat dapat menyingkap mekanisme yang dapat membantu dalam membezakan teks fiksi sebagai sebuah karya seni berbanding hanya menganggap karya tersebut hanyalah sekadar naratif dan pola simbolik pula berfungsi sebagai medium yang berkemampuan untuk memanipulasi pengalaman yang dirasakan oleh para pembaca. Oleh itu, jelaslah bahawa teori formalistik cukup dianalisis dan dihargai keistimewaannya yang tidak bergantung kepada konteks luar semata-mata.

2.4.3 Buku

Mana Sikana bukanlah nama asing lagi terutamanya dalam dunia sastera pada hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau merupakan seorang pengarang agung dalam dunia kesusasteraan Melayu kerana telah berjaya menghasilkan karya-karyanya yang mempunyai kelasnya yang agung dan tersendiri. Melihat kepada bukunya yang berjudul *Teori Sastera Kontemporari*, Mana Sikana (2009) menyatakan bahawa teori formalistik ini merupakan sebuah teori yang mempunyai kelebihan dan keistimewaannya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana teori formalistik ini pada lazimnya memfokuskan kepada keindahan struktur sesebuah karya yang dapat pembaca alami semasa proses pembacaan dilakukan. Teori formalistik ini juga dianggap sebagai sebuah teori utama kerana ia telah menjadi asas kepada pendekatan atau teori-teori lain.

2.4.4 Lain-lain

Menurut artikel yang diperolehi daripada Mimbar Kata (2013), teori formalistik yang terdapat dalam kritikan sastera ini pada lazimnya pada era 1960-an sehingga ke

1980-an. Jika dilihat pada kenyataan tersebut, pendekatan ini lazimnya memberikan fokus utama kepada unsur ekstrinsik yang terdapat dalam tema, plot, gaya bahasa serta watak yang digambarkan dalam sesebuah karya sastra tersebut. Antara tokoh yang penting dalam mengaplikasikan teori ini merupakan Ramli Isin dan juga Hashim Awang. Namun, pendekatan yang dinyatakan ini dianggap sebuah pendekatan yang terhad dan digantikan pula dengan pendekatan lain yang dilihat lebih luas dan dinamik penggunaannya.

Aisyah Ali (2011) menyatakan bahawa teori formalistik ini merupakan sebuah medium yang penting dalam dunia sastra. Hal ini dikatakan demikian kerana teori formalistik ini akan menilai sesebuah teks sastra secara objektif, sistematik dan mengikut logik yang dapat membantu menjadi asas kepada perluasan kritikan sastra terutamanya bagi konteks akademik serta pendidikan. Matlamat utama yang difokuskan dalam teori formalistik ini merupakan adalah untuk mengkaji unsur-unsur penting yang berfungsi dan berkemampuan membentuk kesatuan dalam sesebuah karya sastra yang pada akhirnya akan meningkatkan lagi kesan keindahan dan nilai estetika yang terdapat dalam sesebuah karya sastra tersebut.

2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meneliti unsur latar seperti latar tempat, masa dan masyarakat yang digambarkan dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas dengan menggunakan teori formalistik. Kajian ini dibantu oleh pelbagai sumber seperti tesis, artikel jurnal, buku dan bahan maklumat lain yang bertujuan untuk memperkukuhkan lagi pemahaman tentang peranan latar dalam menggambarkan sejarah dan perubahan sosial masyarakat Melayu. Novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini menggambarkan kesan penjajahan terhadap kehidupan masyarakat, termasuklah seperti dapat dilihat daripada segi tekanan politik, ekonomi, serta bencana alam yang memaksa mereka untuk menyesuaikan diri serta meneroka hutan bagi membuka penempatan baharu seperti Janda Baik.

Penggunaan teori formalistik ini sememangnya membantu pengkaji bagi memahami struktur penceritaan serta plot yang diaplikasikan dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini. Kajian turut merujuk karya Muhammad Haji Salleh dan membandingkan pandangan pelbagai pihak terhadap teks Melayu klasik untuk menunjukkan bagaimana sastera menjadi medium dekolonisasi pemikiran. Dalam novel *Rimba Harapan*, Keris Mas sering menyampaikan mesej kolonial secara halus melalui bahasa yang simbolik dan kritis. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa latar dalam karya sastera boleh menjadi cerminan sejarah dan perjuangan dalam usaha untuk membina jati diri bangsa dan memberikan sumbangan besar dalam bidang kesusasteraan Melayu yang terdapat di negara Malaysia ini.

BAB 3

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang metodologi kajian yang diaplikasikan dalam kajian Gugusan Latar dalam Novel *Rimba Harapan* melalui Pendekatan Formalistik. Seperti yang telah dapat dilihat, kajian ini berbentuk kualitatif dan kaedah yang digunakan ini merupakan kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks, kaedah internet serta penerapan teori formalistik. Metodologi kajian ini adalah bertujuan untuk membantu pengkaji untuk memahami dengan lebih terperinci dan lebih luas lagi tentang proses kajian ini dilakukan. Menerusi bab ini, dapat dirumuskan bahawa metodologi kajian yang digunakan ini merupakan reka bentuk kaedah kajian serta penerapan teori yang dapat membantu dalam proses penganalisan ini dijalankan. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif bagi melengkapkan kajian ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Pada bahagian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan yang telah dipilih dan dilihat bersesuaian dengan kajian yang dijalankan iaitu pendekatan kualitatif. Reka bentuk kajian merupakan salah satu perkara utama. Menurut kenyataan yang telah dijelaskan, reka bentuk adalah kerangka bagi sebuah kajian bagi pengumpulan dan menganalisis dan dengan mengaplikasikan reka bentuk kualitatif yang terdapat dalam kajian ini. Kaedah yang digunakan ini merupakan satu cara yang sesuai untuk

memperoleh jawapan bagi setiap persoalan yang timbul agar objektif kajian ini tercapai. Seperti yang telah dapat dilihat, kaedah yang sesuai untuk diaplikasikan ini merupakan kaedah pengumpulan data, kaedah analisis teks, kaedah internet dan kaedah kepustakaan serta penerapan teori formalistik yang dapat membantu dalam proses pengumpulan data. Pendekatan kualitatif ini merupakan sebuah pendekatan yang membuat pengumpulan data menerusi sesebuah teks yang dijadikan sebagai teks utama iaitu novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas. Oleh itu, kaedah kajian yang diaplikasikan ini adalah berbentuk kualitatif yang akan membantu dalam menyempurnakan dan membantu dalam melengkapkan lagi objektif kajian seperti yang telah dinyatakan pada sebelum ini.

Untuk mendapatkan panduan dan rujukan, pengkaji mestilah menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu satu kaedah atau prosedur penyelidikan yang berasaskan kepada kualiti sumber. Bogdan (2004) berpendapat bahawa daripada reka bentuk kajian kualitatif ini dapat dihasilkan daripada data yang deskriptif bergantung kepada sama ada ia akan diperoleh dalam bentuk kata-kata lisan mahupun tulisan yang akan menjelaskan perilaku, interaksi, reaksi serta menerusi komunikasi yang berlaku di sekelilingnya. Oleh itu, dapat dilihat bahawa kaedah yang diaplikasikan dalam kajian ini merupakan kaedah pengumpulan data, kaedah analisis teks, kaedah internet, kaedah kepustakaan dan kajian ini mengaplikasikan teori formalistik sebagai teori pilihan.

Jika dilihat secara asas akan kajian yang telah dilakukan, pengkaji telah memfokuskan kepada kaedah kualitatif yang dilakukan menerusi tinjauan literatur semasa kajian ini dilakukan. Tinjauan kajian lepas juga merupakan antara perkara utama dalam menjalankan kajian ini kerana ia dapat membantu pengkaji untuk

memperolehi data serta maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Proses menganalisis dokumen yang dilakukan dengan pengumpulan data ini mendukung makna yang sama dengan kaedah kualitatif di samping objektif-objektif yang telah pengkaji kemukakan ini dapat membantu pengkaji untuk berada di landasan yang benar semasa kajian ini dilakukan agar tidak tersasar daripada objektif kajian ini dijalankan.

3.2.1 Dokumentasi

Dokumentasi merupakan sebuah proses yang dilakukan dalam sebuah kajian yang telus dan tidak diragui kebenarannya. Hal ini berkait rapat dengan perubahan yang berlaku bergantung kepada jangka masa yang ditetapkan. Terdapat dua bahagian utama dalam proses ini iaitu pengumpulan data serta analisis data dokumen. Pengaplikasian kaedah analisis yang dinyatakan ini merujuk kepada unsur atau elemen yang ingin difokuskan serta dijadikan sebagai kajian utama. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada kaedah dokumentasi menerusi penelitian teks yang mengkaji tentang unsur latar yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data ini merupakan suatu kaedah yang telah pengkaji aplikasikan yang bertujuan untuk mengumpul kesemua data dan maklumat yang diperoleh dan berkaitan dengan topik kajian ini. Bagi kaedah ini, data boleh didapati daripada pelbagai medium yang ada seperti teks kajian yang menjadi pilihan pengkaji iaitu novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas. Selain itu, data deskriptif pula dapat diperoleh hasil daripada

kajian yang dilakukan seperti daripada aspek konflik sosial melalui penelitian kajian-kajian lepas yang telah dihasilkan. Begitu juga dengan aspek teori formalistik yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam proses untuk melengkapkan kajian yang dijalankan ini. Di samping itu, data-data yang telah dikumpulkan melalui laman sesawang yang telah diakses jika dapat membantu pengkaji dalam usaha untuk melengkapkan kajian ini. Segala perkara yang memberikan maklumat mengenai data yang ingin dikaji ini merupakan sumber data. Oleh itu, berdasarkan sumber data ini yang akan membantu pengkaji membezakan antara data primer serta data sekunder.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Menerusi kaedah kepustakaan yang dilakukan ini, pengkaji dapat menghasilkan penyelidikan di perpustakaan yang berdekatan dengannya iaitu perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan kaedah kepustakaan ini dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti buku-buku dan bahan ilmiah yang berkaitan dengan gugusan latar yang mengaplikasikan teori formalistik. Mohd Shaffie (1991) pula berpendapat bahawa kajian kepustakaan ini merupakan satu proses pengamatan data-data atau maklumat yang bersifat sekunder. Melalui kaedah kepustakaan ini, ia dapat membantu pengkaji untuk melakukan pencarian serta pemerolehan kajian-kajian yang telah dilakukan dalam beberapa bentuk seperti artikel, jurnal, tesis, keratan akhbar. Di samping itu, rekod-rekod yang telah sedia ada pula merujuk kepada penyelidikan yang telah berjaya dilakukan yang dapat membantu pengkaji mengukuhkan lagi idea atau maklumat yang telah diperolehinya. Oleh itu, kaedah kepustakaan ini telah membantu pengkaji untuk lebih memahami serta mendalami dengan lebih lanjut dan mendalam akan kajian yang sedang dijalankan.

3.3.2 Kaedah Analisis Dokumen

Kaedah analisis dokumen ini merupakan satu proses yang mempunyai kaitan atau berkait rapat dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji dalam usaha untuk memperolehi maklumat serta data yang diperlukan. Pemerhatian yang terperinci dan teliti sangat dititik beratkan semasa proses ini dijalankan agar tidak berlaku sebarang kecuaiian atau melanggar etika penulisan teks kajian yang dilakukan. Untuk melengkapkan serta mempertahankan sebuah hujah bukanlah perkara yang mudah untuk dilakukan. Oleh itu, pengkaji telah mengambil kira beberapa aspek penting dalam usaha pengumpulan data yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Maklumat yang diperolehi bukan sahaja melalui teks, maklumat yang diperlukan ini juga boleh hadir dalam beberapa bentuk seperti gambar, tulisan serta simbol yang berkait dengan maklumat yang diperlukan. Oleh itu, pengkaji akan memperolehi data serta maklumat yang diperlukan dalam proses penyempurnaan kajian ini dengan membuat analisis dokumen.

I. Kaedah Analisis Teks

Pada bahagian ini, analisis teks yang dilakukan adalah merupakan perkara yang perlu diberikan perhatian. Hal ini dikatakan demikian kerana, analisis teks ini adalah bertujuan untuk menganalisis bahan yang dapat dijadikan sebagai rujukan dan menambah ilmu serta maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas telah menjadi teks pilihan utama

pengkaji dalam kajiannya ini. Novel *Rimba Harapan* yang diterbitkan pada tahun 1986 ini telah menjadi teks atau bahan utama bagi kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis teks ini dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti, membincangkan serta membuat analisis akan gugusan latar yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas yang cuba disampaikan oleh pengarangnya.

II. Artikel Jurnal dan Buku

Artikel jurnal serta buku yang telah digunakan semasa proses pelaksanaan kajian ini dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat dan data yang diperolehi daripada analisis dokumen tersebut sememangnya dapat membantu pengkaji untuk mengumpulkan segala data yang diperlukan dalam proses untuk melengkapkan kajiannya ini. Data-data dan sumber yang telah dikumpulkan ini dapat dijadikan sebagai bahan-bahan rujukan utama dalam proses kajian ini dijalankan. Bahan-bahan tersebut pada lazimnya telah diperolehi daripada sumber kepustakaan iaitu di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Oleh itu, jelas dapat dilihat bahawa artikel jurnal serta buku yang telah menjadi sumber rujukan pengkaji dalam melengkapkan kajiannya.

III. Kaedah Internet

Selain itu, untuk mengenal pasti bahan serta maklumat yang diperlukan akan menjadi lebih mudah dengan menggunakan kaedah internet. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji boleh melayari laman sesawang yang bersesuaian

untuk mencari maklumat dan informasi-informasi yang diperlukan secara maya. Misalnya, bahan-bahan kajian yang telah diperoleh daripada pengkaji-pengkaji lalu. Misalnya, *Google Scholar*, *UMK Repository (DiSCol)*, *My Thesis Online* dan *Scispace*. Oleh itu, kaedah internet ini tidak hanya tertumpu kepada pencarian maklumat yang diperlukan sahaja malah ia juga berfungsi sebagai satu medium terbaik yang dapat memudahkan pengkaji untuk mencari dan berhubung dengan para pengkaji luar demi mendapatkan maklumat serta informasi yang diperlukan dalam proses untuk melengkapkan kajian ini.


3.3.3 Analisis Tematik

Yuli Asmi Rozali (2022) menyatakan bahawa analisis tematik merupakan satu kaedah kualitatif yang diaplikasikan sebagai salah satu cara untuk mengenal pasti serta membantu dalam mengorganisasi pola makna iaitu tema yang terdapat dalam sesebuah data misalnya seperti menerusi dokumen yang telah ditranskripi. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik ini merupakan sebuah teknik yang sering digunakan oleh pengkaji kerana ia akan mengekstrak tema yang dianggap relevan dan bersesuaian dengan kajian yang dilakukan. Oleh itu, ia bukan hanya diaplikasikan untuk meneliti elemen unik yang terdapat dalam teks tersebut malah ia juga dapat membantu pengkaji untuk lebih memahami aspek kolektif atau pengalaman umum yang telah diperolehi daripada analisis tersebut.

Di samping itu, analisis tematik ini juga dijalankan secara berperingkat yang ia bermula dengan membuat proses pembacaan serta mengenal pasti data yang diperlukan dan diperolehi daripada proses pembacaan serta catatan awal yang dilakukan. Kemudian, setiap data yang didapati relevan dan bersesuaian akan diambil dan dibentuk ke dalam kategori yang lebih kecil melalui proses pengkategorian. Proses ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan serta menyusun data secara lebih sistematik. Selepas itu, pengkaji akan mencari dan mencatat tema yang terdapat dalam data-data tersebut dan kemudiannya akan disemak semula untuk memastikan ketepatan data yang diambil dan akan dibangunkan untuk mendapatkan data yang tepat yang memerlukan fokus dan penelitian yang terperinci akan setiap tema dan kaitannya dengan permasalahan kajian. Proses terakhir merupakan penulisan laporan yang sistematik akan dijalankan menerusi tema yang telah dikenal pasti serta analisis kajian yang telah dilakukan menerusi laporan penyelidikan serta artikel jurnal. Oleh itu, pengkaji akan lebih jelas dan memahami

bahawa analisis termatik ini boleh membantu pengkaji untuk memberikan tafsiran serta membawa makna yang lebih luas kepada data kualitatif yang telah diperolehi.

Oleh itu, pengkaji telah mengaplikasikan analisis termatik kerana pengkaji mendapati bahawa analisis termatik ini dilihat bersesuaian dengan penggunaan data kualitatif. Ia juga dilihat telah menggambarkan beberapa proses yang dilakukan dalam analisis termatik ini seperti transkripsi, pengkodan, tema, menyusun tema, analisis dan tringulasi data.



Rajah 3.3.3: Analisis Termatik

3.4 Pengenalan Teori Formalistik

Seperti yang telah sedia maklum, teori merupakan satu perkara penting dalam sesuatu bidang kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan penerapan teori dalam sesuatu kajian, ia akan membantu dalam menjadikan kajian tersebut lebih sistematik mengikut kepada landasan objektif kajian yang dinyatakan. Penerapan teori tersebut sememangnya dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti dan membuat analisis persoalan kajian dengan lebih teratur dan mudah. Di samping itu, pengaplikasian teori ini juga dapat membantu pengkaji untuk membezakan pandangan serta idea daripada pengkaji-pengkaji lain terutamanya dalam memberi pendapat mereka semasa pelaksanaan kajian ini dijalankan. Melihat kepada penerapan teori tersebut adalah bertujuan untuk menjadi garis panduan kepada pengkaji agar tetap berpaksi dan tetap akan objektif utama yang terdapat dalam kajian tersebut.


3.4.1 Kaedah Penerapan Teori

Kajian ini telah memilih teori formalistik kerana konteks yang terdapat dalam teori ini sejajar dengan teks dan mesej yang ingin pengarang sampaikan kepada pembaca dan masyarakat umum. Teori formalistik ini dilihat juga telah membantu pengkaji untuk melahirkan idea baharu bagi tujuan menganalisis itu yang dibincangkan dan terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas. Teori formalistik ini merupakan sebuah kerangka yang mengkaji tentang pendekatan sastera yang lazimnya memfokuskan kepada struktur dalaman sesebuah teks yang diwakili oleh bentuk, teknik penceritaan, simbol, gaya bahasa yang tidak mengambil

kira akan konteks luar seperti sejarah, latar belakang pengarang serta nilai ideologi yang terkandung dalam sesebuah teks sastra. Hal ini dikatakan demikian kerana teori formalistik ini beranggapan bahawa setiap karya sastra telah mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dan nilainya dapat dianalisis berdasarkan segala unsur yang sudah terkandung dalam sesebuah teks karya sastra tersebut. Jika dilihat dengan lebih dalam lagi, pendekatan ini memerlukan pembacaan teks yang dilakukan secara teliti terutamanya bagi tujuan untuk mengenal pasti teknik serta struktur naratif bagi tujuan memahami mesej yang ingin disampaikan dengan lebih jelas.

3.4.1.1 Teori Formalistik

Teori formalistik merupakan sebuah teori yang lazimnya memfokuskan bagaimana sesebuah karya sastra itu dibentuk dan tujuannya untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca. Terdapat lima prinsip utama yang terkandung dalam teori formalistik ini iaitu:



Rajah 3.4.1.1: Prinsip-prinsip teori formalistik.

I. Autonomi Sastera

Prinsip ini memberi penegasan serta fokus utama bahawa sesebuah karya sastera mestilah dinilai sebagai sebuah entiti tersendiri tanpa dipengaruhi oleh beberapa konteks luaran seperti latar belakang pengarang atau faktor sejarah.

II. Bahasa Sebagai Unsur Estetika

Bahasa yang digunakan sebagai medium pengantaraan bukan sahaja berfungsi untuk menyampaikan makna dan mesej kepada pembaca tetapi ia juga berfungsi sebagai medium estetika yang mempunyai nilai serta tahapnya yang tersendiri. Misalnya, pengaplikasian metafora dalam sesebuah teks sastera “langit sedang menangis membasahi bumi” yang melambangkan hujan sedang turun dan ia mampu mengangkat unsur serta nilai estetika dan keindahan yang terkandung dalam sesebuah karya sastera. Oleh itu, susunan kata yang menarik merupakan salah satu komponen utama yang penting yang terdapat dalam teori formalistik.

III. Kesatuan Organik

Teori formalistik ini secara keseluruhannya melihat pelbagai elemen utama seperti tema, plot, latar, watak serta gaya yang digambarkan dalam sesebuah karya sastera. Sebagai contoh, novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas yang menggambarkan masyarakat yang terpaksa hidup dalam era kolonial kesan daripada penjajahan kuasa-kuasa Barat.


IV. Defamiliarisasi

Victor Shklovskyty telah memperkenalkan konsep ini yang membawa makna untuk menjadikan sesuatu perkara biasa kelihatan luar biasa. Hal ini dikatakan demikian kerana tujuan konsep ini diwujudkan adalah untuk membuatkan pembaca lebih terkesan akan mesej yang disampaikan. Penggunaan gaya bahasa atau kata-kata yang indah ini akan menarik minat pembaca untuk berfikir dengan lebih mendalam dan terperinci lagi dan teknik ini akan membuatkan para pembaca cuba menggambarkan keadaan atau situasi yang digambarkan oleh pengarang.

V. Penekanan Struktur Dalaman

Seperti yang telah dinyatakan sejak awal kajian ini, teori formalistik ini sering memfokuskan kepada naratif, plot serta unsur-unsur penting misalnya simetri, irama serta repitisi yang diaplikasikan untuk pembinaan makna. Contohnya, dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini yang telah menggunakan teknik imbas kembali, struktur ini telah menjadi faktor penting yang digunakan untuk memahami psikologi sesuatu watak. Oleh itu, kesan serta maksud yang ingin disampaikan pengarang kepada pembaca adalah sangat penting dan susunan serta teknik penyampaian ini mampu membantu pengarang menyampaikan mesej tersebut dengan lebih baik dan jelas.

3.5 Kerangka Konseptual



Rajah 3.5: Kerangka Konseptual

3.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab tiga ini telah menjelaskan dengan terperinci tentang metodologi kajian yang telah pengkaji aplikasikan bagi melengkapi kajian ini. Penggunaan reka bentuk dan kaedah-kaedah yang sesuai dalam proses melaksanakan penyelidikan kajian ini. Perbincangan dalam metodologi kajian ini telah mengemukakan bagaimana pengumpulan data dan pemerolehan maklumat telah dilakukan secara terperinci berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah dinyatakan. Malah, kajian ini juga memilih untuk mengaplikasikan sumber primer dan sekunder yang bersesuaian supaya dapat membantu pengkaji membuat percambahan idea yang bernas yang dapat membantu menyokong dan mengukuhkan lagi idea-idea pengkaji. Aspek-aspek yang terkandung dalam metodologi kajian ini menjadi tunggak utama kajian untuk memperoleh kesemua maklumat utama dan penting yang berkaitan dengan kajian ini agar segala usaha proses menganalisis kajian dapat disusun secara teratur dan strategik.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

4.0 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Hasil daripada proses menganalisis berdasarkan data-data yang telah dikumpul dan diperolehi oleh pengkaji akan dibentangkan dalam bahagian analisis dan dapatan kajian ini. Jika dilihat pada keseluruhan data yang telah diperolehi oleh pengkaji, pengkaji akan membahas serta akan menghuraikan dengan lebih terperinci data mengenai gugusan latar dalam novel *Rimba Harapan* melalui penelitian formalistik. Berdasarkan teks-teks yang terdapat di dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini, pengkaji akan menyentuh serta membuat analisis data-data yang diperlukan berdasarkan satu pendekatan iaitu penelitian teori formalistik. Oleh itu, pengkaji akan menggambarkan secara menyeluruh tentang latar-latar yang terkandung dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menyifatkan latar sebagai sebuah permukaan. Hal ini dilihat mempunyai kaitannya dengan latar yang dinyatakan dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas. Novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas merupakan sebuah karya yang kerap menonjolkan tentang realiti kehidupan harian masyarakat luar bandar iaitu penduduk Kampung Ketari. Seperti yang telah dapat dilihat melalui penelitian serta pembacaan novel ini, jelas dapat dilihat bahawa pengarang telah banyak menyuntik latar seperti latar masa, latar masyarakat serta latar tempat yang menjelaskan tentang suasana sosial, budaya serta pembangunan ekonomi yang dialami

oleh penduduk Kampung Ketari yang dilihat sebagai satu sumber yang dapat membantu pembaca untuk lebih memahami dan mengamati mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang kepada pembaca novel *Rimba Harapan* ini. Oleh itu, jelas dapat dilihat bahawa latar yang diaplikasikan dalam novel ini bukan sahaja menjadi penggerak sebagai gambaran suasana tetapi ia juga telah berfungsi sebagai satu alur penting dalam usaha untuk mengangkat nilai-nilai pengajaran yang diterapkan oleh pengarang dalam karya *Rimba Harapan* ini.

Oleh itu, kajian latar dalam novel *Rimba Harapan* ini adalah penting kerana latar menyokong naratif serta membentuk watak serta menggerakkan konflik cerita. Tanpa mengambil kira faktor luaran yang dicipta oleh pengarang, pendekatan formalistik yang diaplikasikan dalam kajian ini memberi tumpuan kepada elemen dalaman karya, terutamanya latar masa, masyarakat dan tempat. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji berkemampuan untuk melihat bagaimana pengarang menyusun dan mengolah latar secara sistematik untuk memberi kesan makna yang mendalam kepada pembaca di samping menonjolkan realiti kehidupan masyarakat luar bandar yang menjadi tumpuan serta fokus utama jalan penceritaan novel ini. Hasil kajian mengenai gugusan latar dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas akan dibincangkan secara terperinci dalam bab empat ini. Perbincangan akan bermula dengan tinjauan latar masa yang menunjukkan perjalanan kehidupan watak. Kemudian, latar masyarakat akan menunjukkan pendirian, prinsip dan pendapat penduduk Kampung Ketari dan seterusnya latar tempat yang menjadi lokasi penting dalam novel. Diharapkan analisis ini akan menunjukkan keutuhan struktur karya dan menunjukkan bahawa latar adalah komponen penting yang menyumbang kepada kekuatan dan keindahan novel *Rimba Harapan* secara keseluruhannya.

4.2 Latar yang Terdapat dalam Novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas

Menurut Suhaila Mansor (2017) latar telah didefinisikan sebagai suatu komponen yang menerangkan tentang masa, masyarakat serta tempat yang berlaku tentang sesuatu peristiwa atau latar belakang yang menjelaskan tentang sesebuah kelompok masyarakat. Jika dilihat dari sudut yang lebih terperinci lagi, dapat dilihat bahawa latar ini berperanan untuk menerangkan akan perkembangan yang berlaku pada watak dan perwatakan dan pada masa yang sama, ia dapat membantu mengembangkan tema, persoalan serta plot yang digambarkan oleh pengarang dalam penulisannya. Oleh itu, pengaplikasian unsur latar dalam sesebuah karya adalah sangat penting kerana komponen ini akan membantu para pembaca untuk lebih memahami konteks ayat yang disampaikan oleh pengarang kepada pembaca.

4.2.1 Latar Masa

Yuda Prinada (2025) menyatakan bahawa latar masa merupakan antara komponen penting yang terdapat dalam unsur ekstrinsik. Hal ini dikaitkan dengan latar masa yang sering ditekankan dalam teori formalistik dan ia mengangkat nilai keindahan yang terdapat dalam karya sastera tersebut akan semakin tinggi nilainya kerana ia akan membantu membangunkan lagi nilai estetika karya-karya sastera. Misalnya seperti puisi, drama serta prosa yang akan menjadikan sesebuah karya sastera tersebut lebih hidup dan suasana yang digambarkan oleh penulis dalam karya hasil penulisannya semakin tinggi nilai yang terkandung dalamnya. Jika dilihat dari sudut pandang yang lebih terbuka dan berbeza, dapat dilihat bahawa bahawa latar-latar yang terkandung dalam

setiap konteks ayat ini memainkan peranannya yang berbeza yang pada lazimnya akan menjelaskan lagi tentang kandungan yang cuba disampaikan oleh pengarang dalam hasil karyanya. Oleh itu, latar masa ini dilihat sebagai salah satu komponen penting dan utama dalam penghasilan karya yang sedikit sebanyak dapat membantu para pembaca untuk lebih mendalami isi kandungan yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini.

4.2.1.1 Waktu Pagi

Seperti yang kita sedia maklum, waktu pagi merupakan satu keadaan yang menggambarkan bermulanya hari yang baharu. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Wisdomlib (2025) menyatakan bahawa fenomena pagi atau juga dikenali sebagai matahari terbit mempotretkan sebagai pencahayaan, kebangkitan serta permulaan baharu. Perkara ini didapati berkait rapat dengan permulaan setiap aktiviti, suasana, keadaan sekeliling serta alam sekitar yang mula perlahan-lahan bergerak dan berfungsi sepenuhnya. Jika dilihat dalam konteks yang lebih luas lagi, latar masa waktu pagi bukan hanya menjadi penanda aras masa kerana ia telah menjadi simbolik kepada usaha untuk menggambarkan permulaan hari serta harapan baharu yang ingin dicapai. Oleh itu, waktu pagi sering menjadi simbol permulaan serta harapan baharu yang walaupun kadang kala ia hanyalah waktu yang tetap bergerak mengikut pusingan orbitnya sahaja.

“Pagi itu pagi yang kesembilan matahari tidak memperlihatkan diri. Jarang hujan turun berpanjangan seperti ini. Musim-musim yang lalu matahari

menjenguk juga sejam dua jam sehari.”

(Rimba Harapan, 1988)

Gambaran latar waktu pagi yang telah dinyatakan dengan jelas oleh pengarang pada bahagian pertama halaman satu yang menceritakan keadaan pagi tersebut yang mana menurut pengarang bahawa matahari tidak kelihatan setelah hari kesembilan berlalu. Hal ini dikatakan demikian kerana, hujan lebat yang turun tanpa henti ini telah menimbulkan perasaan gelisah kepada penduduk Kampung Ketari kerana mereka risau akan keadaan buruk yang bakal menimpa mereka sekiranya hujan masih tidak berhenti. Misalnya, penduduk Kampung Ketari khuatir akan berlaku sebarang bencana seperti banjir yang akan menenggelamkan hasil pertanian mereka. Perkara ini amat membimbangkan mereka kerana jika hujan masih kerap menyembah bumi, maka mereka haruslah keluar mencari tempat berteduh yang selamat demi keluarga menjamin keselamatan mereka sekeluarga. Jelaslah bahawa, waktu pagi yang digambarkan oleh pengarang dalam novel *Rimba Harapan* ini menunjukkan permulaan hari baharu namun keadaan persekitarannya masih sama seperti hari-hari sebelumnya.

4.2.1.2 Zuhur

Kamus Dewan terkini Edisi Keempat (2025) menjelaskan bahawa Zuhur merupakan waktu tergelincir matahari ke arah Barat sehingga ada bayang-bayang yang menjadi pengukur waktu. Keris Mas telah menggambarkan waktu Zuhur ini merupakan penanda untuk menggambarkan masa untuk masyarakat berhenti sejenak daripada melakukan tugas mereka dan berehat untuk

melepaskan lelah. Bukan itu sahaja, waktu Zuhur juga merupakan waktu dimana tanda untuk mendirikan solat fardu bagi umat Islam seperti yang telah dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Oleh itu, pengarang telah menggambarkan waktu Zuhur sebagai waktu untuk berhenti sejenak daripada melakukan pekerjaan dan merehatkan diri dengan mendirikan solat fardu.

“Pak Kia berhenti sebentar daripada melakukan tugasnya di sawah apabila terdengar laungan azan menandakan sudah masuknya waktu Zuhur dari surau yang berhampiran.”

(Rimba Harapan, 1988)

Pengarang telah menggambarkan peristiwa ini pada bahagian pertama halaman sepuluh apabila matahari tergelincir ke arah Barat di Kampung Ketari yang dikelilingi oleh sawah padi, Pak Kia yang telah bekerja sejak pagi untuk membajak dan menanam padi mula perlahan-lahan menghentikan pekerjaannya. Pak Kia berteduh di bawah pondok rehat sambil mengelap peluh dan melepaskan lelah akibat panas terik yang memuncak pada waktu Zuhur. Kemudian, surau kampung melaungkan azan Zuhur, yang telah menandakan waktu solat fardu telah tiba. Pak Kia tanpa melengahkan waktu terus berjalan ke surau berdekatan untuk menyambut panggilan Allah SWT. Situasi ini melambangkan watak Pak Kia yang merupakan seorang hamba yang bertanggungjawab dalam menjalankan kewajipannya sebagai seorang umat Islam. Sebagaimana yang digambarkan oleh Keris Mas, peristiwa ini menunjukkan bahawa latar masa waktu Zuhur adalah masa untuk berhenti

daripada bekerja, berehat daripada keletihan fizikal dan melaksanakan tanggungjawab ibadah.

4.2.1.3 Waktu Maghrib

Menurut Amalia Solikhah (2023), waktu maghrib ini berlaku apabila matahari telah hilang sepenuhnya di bawah ufuk yang menjadi penanda akan peralihan dari waktu siang ke waktu malam. Hal ini dikatakan demikian kerana waktu maghrib akan bermula sejurus sahaja selepas matahari terbenam sehinggalah kegelapan ufuk sekeliling menjadi lebih ketara. Waktu ini juga membawa makna bagi umat Islam kerana ia menandakan telah masuk waktu fardu Maghrib seperti yang telah digambarkan oleh pengarang yang menjelaskan tentang Pak Kia yang mengajak Zaidi untuk pulang ke rumah setelah seharian membanting tulang menjalani aktiviti hariannya di dusun demi mencari rezeki.

“Suasana dusun menjadi tenang dan udara mulai lembap. Pak Kia kemudiannya berhenti bekerja dan mengajak Zaidi pulang ke rumah untuk mereka bersiap-siap untuk menunaikan solat Maghrib.”

(Rimba Harapan, 1988)

Keris Mas telah menjelaskan latar masa pada bahagian empat halaman dua puluh empat yang menggambarkan watak Pak Kia menyedari bahawa hari sudah semakin lewat apabila matahari telah tenggelam sepenuhnya di balik ufuk dan cahaya senja mula digantikan dengan kegelapan yang menandakan berakhirnya waktu bekerja, suasana dusun menjadi tenang dan udara mulai dingin

menandakan hari sudah mulai gelap dan akan beralih ke waktu malam. Pak Kia kemudiannya berhenti bekerja dan mengajak Zaidi pulang ke rumah untuk mereka bersiap-siap untuk mendirikan solat Maghrib. Pelawaan tersebut menunjukkan kesedaran Pak Kia terhadap tanggungjawab agama dan nilai disiplin seorang ketua keluarga yang mengutamakan ibadah selepas bekerja keras mencari rezeki setiap hari. Selain menunjukkan peralihan antara siang serta malam yang mempunyai makna spiritual, peristiwa ini menunjukkan cara hidup masyarakat desa melihat waktu maghrib sebagai masa untuk berhenti daripada aktiviti harian dan kembali kepada keluarga dan tanggungjawab agama.

4.2.1.4 Selepas Subuh

Jika dilihat dari sudut pandang agama Islam, ‘selepas Subuh’ merujuk kepada tempoh yang bermula selepas fajar sadiq dan biasanya berterusan sehingga waktu Syuruk. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam istilah syarak, Subuh ini merupakan waktu yang bermula dengan fajar sadiq, cahaya putih yang melintang di ufuk timur yang menandakan masuknya waktu solat Subuh dan berterusan sehingga matahari terbit yang dinyatakan oleh Nabeela Akrasha (2025). Kenyataan ini merujuk kepada masa atau waktu apabila aktiviti harian seperti pergi bekerja, menyelesaikan tugas seharian atau melakukan aktiviti bermanfaat, bermula selepas solat Subuh selesai dan matahari mula naik. Oleh itu, kenyataan ‘selepas Subuh’ membawa pengertian sejurus selepas seseorang menunaikan solat Subuh ketika masih pagi dan sebelum matahari terbit tinggi dan pada lazimnya masa yang dinyatakan ini pada awal siang hari dan ia kebiasaannya menggambarkan latar masa yang sejuk dan tenang.

“Zaidi pergi mengambil kerbau itu ke Benus lepas sembahyang subuh tadi. Sekarang matahari telah naik dari belakang Bukit Raka.”

(Rimba Harapan, 1988)

Bahagian kelima halaman tiga puluh enam menjelaskan tentang peristiwa itu berlaku selepas solat Subuh, iaitu pada awal pagi ketika hari baru bermula seperti yang dijelaskan pada kenyataan ‘lepas sembahyang Subuh tadi’ yang pada khususnya dalam kehidupan, latar masa ini biasanya dikaitkan dengan suasana yang tenang dan udara yang nyaman serta permulaan rutin harian masyarakat setempat. Zaidi menunjukkan sikap rajin, bertanggungjawab dan berdisiplin dengan segera mengambil kerbau selepas solat Subuh dan mengutamakan agama sebelum memulakan pekerjaan harian. Kenyataan ‘sekarang matahari telah naik dari belakang Bukit Raka’ juga telah membantu menambah elemen alam semula jadi kepada perspektif masa yang digambarkan oleh pengarang. Pergerakan matahari yang mula naik menunjukkan bahawa waktu pagi semakin terang dan hari telah benar-benar bermula. Gambaran ini bukan sahaja memberi pembaca pemahaman yang lebih baik serta terperinci tentang masa kejadian, tetapi ia juga telah menambah elemen visual dan realistik kepada jalan penceritaan. Secara keseluruhannya, kenyataan tersebut menekankan latar belakang selepas Subuh pada waktu pagi yang membantu menghidupkan suasana di Kampung Ketari.

4.2.1.5 Lewat Pukul Sepuluh

Jika dilihat dari segi tatabahasa, ‘lewat pukul sepuluh’ ini adalah keterangan masa yang menunjukkan latar masa sesuatu peristiwa itu terjadi atau berlaku,

iaitu selepas satu titik rujukan tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana ia termasuk dalam kategori keterangan masa dalam ayat bahasa Melayu. Frasa seperti ini membantu pembaca meletakkan kejadian dalam garis masa yang jelas. Frasa lewat pukul sepuluh merupakan situasi yang berlaku selepas jam menunjukkan pukul sepuluh, sama ada beberapa minit ataupun lebih. ‘Hari telah lewat pukul sepuluh,’ kata-kata yang telah diberikan.

“Hari telah lewat pukul sepuluh. Panas dalam hutan itu mulai menyegit walaupun hawa agak dingin.”

(Rimba Harapan, 1988)

Pengarang telah menjelaskan tentang petikan tersebut yang terdapat pada bahagian kedua halaman enam puluh ‘Hari telah lewat pukul sepuluh,’ kata-kata yang telah diberikan. Ungkapan ‘Panas dalam hutan itu mulai menyegit walaupun hawa agak dingin’ menunjukkan bahawa waktu telah melepasi jam sepuluh pagi dan suasana telah berubah yang menjadi seperti semakin terik kerana latar masa tengah hari semakin hampir, menunjukkan bahawa keadaan waktu dan perasaan atau persekitaran telah berubah atau meningkat selepas waktu tersebut. Ia juga sering dikaitkan dengan perubahan emosi atau suasana, frasa seperti ini juga boleh memberi tekanan suasana serta melambangkan perasaan watak mengikut kepada konteks sastera yang tertentu.

4. 2. 2 Latar Masyarakat

Menurut Rahma Fiska (2021) latar masyarakat ini merupakan sebuah keadaan

yang menggambarkan situasi masyarakat di sesuatu tempat. Hal ini dikatakan demikian kerana gambaran ini memaparkan tentang latar belakang agama yang dianuti, kepercayaan yang mereka pilih serta pekerjaan yang mereka lakukan untuk meneruskan kehidupan mereka. Misalnya, perwatakan Zaidi yang digambarkan sebagai seorang individu yang terbuka di samping mempunyai pengetahuan yang luas seperti yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini adalah kerana Zaidi berpeluang untuk menimba ilmu secara formal di sekolah dan perkara ini dapat membantu Zaidi melihat dunia dari sudut pandang yang berbeza. Telah didapati juga bahawa latar masyarakat ini merupakan antara aspek yang ditekankan dalam teori formalistik kerana ia menekankan ekstrinsik. Oleh itu, latar masyarakat yang dipotretkan oleh pengarang dalam novel *Rimba Harapan* ini sedikit sebanyak telah membantu para pembaca untuk lebih memahami latar masyarakat yang digambarkan ini.

4.2.2.1 Masyarakat yang Ingin Perubahan

Jika dilihat secara menyeluruh akan isi kandungan mesej yang disampaikan dalam novel *Rimba Harapan* ini, jelas terlihat akan latar masyarakat yang pelbagai. Merujuk kepada Kamus Dewan terkini Edisi Keempat (2025) telah menyatakan bahawa masyarakat merupakan sebuah kelompok atau kumpulan manusia yang hidup dan menjalankan aktiviti harian bersama terutamanya mengikut aturan serta cara hidup tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat merupakan sebuah kelompok manusia yang menjalankan sebuah budaya yang telah diturunkan sejak nenek moyang mereka lagi dan perkara ini pada kebiasannya akan diteruskan dengan legasi anak muda yang akan datang.

Oleh itu, untuk lebih mendalami dan mengenali bagaimana sesebuah masyarakat itu bergerak dalam satu kelompok, kita haruslah meneliti akan latar yang menjadi asas kepada masyarakat tersebut.

Zaidi merupakan seorang pemuda yang dilihat mempunyai matlamat dan tetap akan pendiriannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, sewaktu kehidupan Zaidi lebih sukar berbanding abangnya iaitu Pak Kia, dia tidak menjadikan keadaan hidupnya itu sebagai keluhan malah keadaannya ini telah menjadi pembakar semangat serta suara kekuatan baginya untuk terus melangkah ke hadapan demi mengubah nasib hidupnya sekeluarga. Kenyataan ini telah dinyatakan oleh pengarang yang menjelaskan Zaidi tidak pernah berhenti berusaha mengerjakan sawah di baruh bersama abangnya sementara menunggu kebun getah serta pokok buah-buahannya mendatangkan hasil. Malah bukan itu sahaja, setelah kehidupannya semakin stabil dan kukuh, dia perlahan-lahan mula menceburkan diri dalam bidang usahaniaga dan mula mengambil borongan pembekal barang-barang hutan. Antara hasil hutan yang diambalnya adalah seperti rotan, atap bertam serta buluh yang digunakan oleh kontraktor-kontraktor untuk membina serta memperbaiki premis-premis kerajaan.

“Mula-mula dulu dia mengalami kesusahan lebih dari abangnya. Sementara menunggu kebun getah dan tanaman pokok buah-buahan di sekeliling rumahnya mendatangkan hasil dia terus mengerjakan sawah di baruh bersama abangnya. Kemudian, setelah getah besar dan boleh ditoreh dia menoreh getahnya sendiri. Setelah semuanya stabil dan harga getah melambung, kebunnya yang tujuh ekar itu diseduakannya kepada buruh Cina. Dia mula

menceburi bidang usahaniaga, mengambil borongan pembekalan barang-barang hutan seperti rotan, atap bertam dan buluh untuk kontraktor-kontrator yang membina atau membaiki bangunan-bangunan kerajaan. Dialah yang mula-mula menggunakan buruh orang asli untuk mendapatkan barang hutan. Kata orang, Zaidi memang pintar.”

(Rimba Harapan, 1988)

Seperti yang telah pengarang nyatakan dalam bahagian satu halaman empat yang menggambarkan tentang latar masyarakat iaitu Zaidi yang dilihat sebagai seorang yang tidak pernah lelah berusaha mahupun malu untuk mendalami ilmu baharu. Hal ini dikatakan demikian kerana atas sejarah hitamnya yang pernah menempuhi pelbagai ujian dan halangan telah membantunya menjadi pembakar semangat untuk terus melangkah ke hadapan tanpa menghiraukan buah mulut individu lain. Misalnya, Zaidi tidak membuang masa dengan berehat malah dia telah mengerjakan sawah bersama abangnya, Pak Kia sementara menunggu kebun getah serta tanaman pokok buah-buahannya mendatangkan hasil. Oleh itu dapat dilihat bahawa Zaidi tidak pernah lelah mencari sumber pendapatan dan maju ke hadapan demi membela nasib keluarganya.

Di samping itu, Zaidi juga sentiasa disegani serta dipandang tinggi oleh masyarakat kampung kerana kepintarannya dalam menguruskan kewangan serta mengembangkan perniagaannya di Kampung Ketari. Hal ini dikatakan demikian kerana Zaidi telah mengurangkan kos perbelanjaan perniagaannya dengan mengajikan buruh-buruh orang asli kerana dia hanya perlu membayar upah yang rendah atau mereka hanya menerima barang-barang keperluan sebagai upah

setelah membantu Zaidi menjalankan perniagaannya. Zaidi juga telah membuka kedai runcit yang menjual barang-barang keperluan orang kampung. Perkara ini telah membuka peluang kepada Zaidi untuk menjadi pembekal barang-barang keperluan dan ia dapat membantu Zaidi untuk menjana lebih banyak pendapatan.

4.2.2.2 Masyarakat yang Belum Bersedia Akan Perubahan

Secara asasnya, bukan semua individu ingin atau bersedia untuk menghadapi perubahan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap individu mempunyai pandangan serta pendapat peribadi sama ada positif atau negatif yang akan memberi impak serta mempengaruhi dirinya untuk menerima atau menolak sesebuah perubahan. Menurut Zafir Khan Mohamed Makhbul (2025), beliau berpendapat bahawa jika seseorang individu atau sekelompok masyarakat sudah berada di dalam zon selesa, mereka akan lebih cenderung untuk mengekalkan posisi mereka kerana khuatir akan impak yang bakal mereka alami sekiranya mereka melakukan sebarang perubahan. Oleh itu, bukan semua individu atau masyarakat bersedia untuk mengambil risiko dengan menerima perubahan yang berlaku tambahan pula melakukan perubahan yang mereka sendiri tidak pasti akan kesan akibatnya terhadap keluarga serta diri mereka sendiri.

“Pak Kia serta keluarga-keluarga lain yang tinggal di dusun dalam sawah mulai berasa tercicir. Beberapa orang yang tanahnya dekat dengan pekan, mulai menjual dusun dan sawah mereka, pindah membuka tanah baru untuk kampung dan kebun getah. Tetapi semuanya jauh dari bandar Bentong, dalam hutan di

Lebu dan Asap. Pak Kia tidak terusik sedikit pun. Dia tetap dengan sawahnya, bertambah tekun dan semakin kuat bekerja. Zaidi menyerahkan seluruh sawah yang ada itu untuk diusahakan oleh Pak Kia. Katanya, kalau abang bekerja kuat hasil padi dan buah-buahan di dusun pusaka ini memang cukup. Tapi untuk masa depan eloklah buka kebun getah. Pak Kia tidak peduli. Dia tidak berminat langsung hendak berkebun getah.”

(Rimba Harapan, 1988)

Senario ini juga dapat dilihat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas yang telah menggambarkan pada bahagian pertama halaman lima yang pengarang menjelaskan tentang beberapa watak iaitu Pak Kia serta segelintir penduduk Kampung Ketari yang masih ingin duduk di dalam pekung yang sama. Hal ini dikatakan demikian kerana Pak Kia dan segelintir penduduk masih tetap akan pendirian mereka untuk terus duduk di dusun kawasan sawah walaupun sudah mula tertinggal dan tercicir akan perubahan yang melanda Kampung Ketari. Perkara ini berlaku kerana mereka takutkan perubahan serta bimbang bahawa kampung mereka akan diambil alih oleh masyarakat Cina yang membeli tanah-tanah hasil daripada penerokaan hutan yang telah mereka lakukan untuk membuka penempatan baharu tersebut. Oleh itu, bukan semua individu berani untuk mengambil risiko untuk menerima perubahan yang akan memberi impak kepada diri mereka serta

4.2.2.3. Masyarakat yang Penyayang

Wee Jeck Seng (2021) menyatakan bahawa kita mestilah sentiasa berkasih

sayang dalam menjalankan kehidupan kita seharian terutamanya untuk melahirkan masyarakat yang penyayang. Hal ini berkait dengan usaha untuk membentuk sebuah kelompok masyarakat yang penyayang bukanlah perkara yang mudah untuk dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat kasih dan sayang haruslah dipupuk dan ditanamkan dalam hati setiap individu terutamanya bagi tujuan untuk membina sebuah masyarakat yang penyayang dan bukannya hanya kepada darah dagingnya sendiri sahaja. Misalnya, setiap individu haruslah menghiasi dan mempersiapkan diri mereka dengan sifat-sifat terpuji seperti sedia membantu dan hormat-menghormati yang kemudiannya akan membantu dalam melahirkan sifat berkasih sayang dan mesra dan perkara ini sekali gus akan mendidik setiap individu untuk bersikap lebih rasional serta prihatin tentang keadaan yang sedang berlaku di sekeliling kita. Oleh itu, usaha dalam pembentukan masyarakat yang penyayang mestilah dijalankan dengan sepenuh hati dan bersungguh-sungguh.

“Zaidi ini terlalu baik. Sayangnya kepada anak-anak saudaranya sama seperti anak-anaknya sendiri.”

(Rimba Harapan, 1988)

Siti Norlina (2022) menjelaskan bahawa untuk menjamin kesejahteraan masyarakat, setiap individu mestilah mempunyai sifat kasih sayang yang menjadi elemen penting yang seharusnya telah diterapkan dalam diri mereka. Seperti yang telah dapat dilihat pada bahagian pertama halaman tujuh yang telah dijelaskan pada teks di atas, jelas pengarang menyatakan bahawa Zaidi ini merupakan seorang individu yang penyayang. Hal ini dikatakan demikian kerana

Zaidi tidak lekang mencurahkan kasih dan sayangnya kepada individu yang berada di sekelilingnya. Melalui petikan yang telah dinyatakan dapat dilihat bahawa Zaidi mempunyai budi pekerti yang mulia yang tetap menyayangi anak-anak saudaranya atau anak-anak kepada abangnya iaitu Pak Kia walaupun mereka bukanlah anak kandungnya. Oleh itu, demikianlah dapat dilihat bahawa Zaidi ini merupakan seorang individu yang tidak melebihkan pertimbangan kasihnya kepada pihak yang lebih disayangi olehnya.

4.2.2.4 Masyarakat yang Percaya Akan Perkara Tahayul

Al-Quran serta Hadis merupakan satu kitab yang wajib dipercayai kebenarannya terutamanya bagi setiap penganut agama Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana Allah SWT telah menyatakan bahawa setiap kejadian yang telah berlaku serta dijelaskan di dalam kitab Al-Quran merupakan perkara yang benar dan tidak boleh dipertikaikan kebenarannya. Husain (2010) berpendapat bahawa setiap umat Islam mestilah menjaga akidah mereka jadi setiap individu mestilah mempunyai asas yang kukuh agar dapat menjadi benteng yang dapat membantu menghalang dirinya daripada tersesat dan jauh diselewang dengan ajaran-ajaran yang menyesatkan.

“Katanya di Bukit Kutu ada dua naga bertapa. Satu naga kepala tujuh dan satu lagi naga kepala tiga. Kalau hujan tidak berhenti-henti tujuh hari tujuh malam; matahari, bulan dan bintangnya tidak terbit, itu tandanya naga kepala tiga akan turun. Kalau hujan sampai dua kali tujuh, dua minggu, tidak berhenti-henti, tidak terbit matahari, bulan dan bintang, itu tandanya naga kepala tiga

akan turun. Kalau hujan sampai dua kali tujuh, dua minggu, tidak berhenti-henti, tidak terbit matahari, bulan dan bintang, itu tandanya naga kepala tujuh akan turun.”

(Rimba Harapan, 1988)

Kamus Dewan terkini Edisi Keempat (2025) menyatakan bahawa tahayul ini merupakan rekaan khayalan yang pada kebenarannya tidak wujud atau pada perkara yang karut. Perkara ini dapat dilihat dalam latar masyarakat yang digambarkan dalam novel *Rimba Harapan* pada bahagian kedua halaman empat belas. Masyarakat di Kampung Ketari ini pada lazimnya masih mempercayai akan perkara-perkara tahyul yang dianggap benar-benar berlaku. Misalnya, penduduk Kampung Ketari mempercayai bahawa terdapat naga yang telah turun dari Bukit Kutu sedangkan ia hanyalah bunyi dentuman guruh yang terlampau kuat sehingga mereka mempercayai bunyi dentuman tersebut merupakan ngauman naga di Bukit Kutu yang terletak tidak jauh dari kampung mereka. Oleh itu, masyarakat Kampung Ketari percaya bahawa terdapat makhluk asing yang tidak pasti akan kebenaran kewujudan benar wujud ataupun mitos semata-mata.

4.2.2.5 Masyarakat yang Tidak Mementingkan Pendidikan

Kaum wanita merupakan tulang belakang kepada kaum lelaki namun kaum wanita masih lagi tidak mendapat layanan setaraf dengan kaum lelaki serta sentiasa direndahkan martabatnya walaupun agama Islam telah mengangkat darjat dan memuliakan kaum wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana Mohamad Firdaus (2025) menyatakan pada lazimnya masyarakat kaum wanita

diciptakan daripada tulang rusuk lelaki yang kemudian telah distereotaipkan bahawa kaum wanita ini lemah dan bengkok seperti tulang rusuk. Oleh itu, kesan daripada stereotaip ini telah mengakibatkan kekuatan serta sumbangan wanita dalam pembangunan masyarakat dianggap sebagai satu usaha tidak penting serta remeh sedangkan wanita merupakan golongan pertama yang menjadi pendidik awal terutamanya kepada generasi akan datang.

“Rahimah langsung tidak dibenarkan ke sekolah. Sekolah ke mana pun nanti ke dapur juga perginya. Sekolah itu membawa banyak maksiat kalau terlalu tinggi. Kalau sudah boleh membaca dan menulis cukuplah.”

(Rimba Harapan, 1988)

Melalui petikan yang terdapat pada bahagian kelima halaman empat puluh dua, situasi ini telah dihadapi oleh Rahimah yang telah dinafikan haknya untuk mendapat pendidikan atas beberapa faktor tertentu seperti yang telah Keris Mas gambarkan pada bahagian pertama halaman sembilan belas novel *Rimba Harapan*. Antara faktor tersebut merupakan mereka menganggap hanya kaum lelaki yang dapat mengubah nasib keluarga dan Rahimah sudah menganggap bahawa tanggungjawabnya untuk menjaga adiknya dan membantu ibunya menguruskan rumah walhal abangnya dibenarkan ke sekolah dan bermain seperti kanak-kanak lain tanpa perlu memikirkan tanggungjawab yang dipikul oleh Rahimah walaupun Rahimah lebih muda daripadanya. Oleh itu, masyarakat hanya mewajibkan kaum lelaki sahaja untuk ke sekolah manakala kaum wanita mestilah berada di rumah untuk menjalankan ‘tanggungjawab’ mereka.

4.2.2.6 Masyarakat yang Mempunyai Pegangan Agama

Kamus Dewan terkini Edisi Keempat (2025) menjelaskan bahawa agama merupakan kepercayaan kepada Tuhan serta sifat-sifat kuasanya dan menerima kebenaran akan ajaran serta perintah-Nya yang harus kita patuhi sebagai seorang hamba. Mohd Rizal Azman Rifin (2020) juga berpendapat bahawa jika seseorang individu menjalankan kehidupan berlandaskan ajaran agama, ia dapat membantu manusia untuk membuka mata akan perkara yang benar dan batil kerana jika manusia mengikuti garis panduan agama dengan baik, pasti setiap individu tidak terjerumus daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan tuntutan agama selain ia juga dapat membantu manusia untuk hidup dalam keadaan yang tenteram, harmoni serta berdisiplin. Justeru, pembentukan kesejahteraan masyarakat haruslah dimulai dengan sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama yang sewajibnya menjadi panduan hidup setiap manusia.

“Hadis tadi,” tuan guru kembali kepada hadis yang dibacanya mula-mula tadi, “menyuruh kita beramal untuk akhirat seolah-olah kita akan mati besok pagi. Beramal untuk dunia seolah-olah kita akan hidup selama-lamanya. Ertinya kita mesti beribadat banyak-banyak dan dengan sungguh-sungguh, kusyuk tawaduk menyerahkan diri kita zahir batin sepenuh-penuhnya kepada Allah.”

(Rimba Harapan, 1988)

Petikan yang telah diambil daripada bahagian ketiga halaman dua puluh yang menyatakan bahawa masyarakat di Kampung Ketari telah digambarkan sebagai sebuah kelompok masyarakat yang mempunyai asas agama yang kukuh

kerana mereka percaya bahawa kehidupan di dunia ini bukanlah perkara yang kekal tetapi beramal untuk dunia seolah-olah kita akan hidup selama-lamanya. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Kampung Ketari ini tetap mengerjakan perintah Allah SWT walaupun mereka hanyalah menjalankan tanggungjawab mereka kepada perkara yang wajib sahaja. Contohnya, masyarakat Kampung Ketari tetap menjalankan tanggungjawab mereka sebagai umat Islam dengan mendirikan solat dan melakukan kebajikan seperti yang telah dituntut dalam agama Islam. Oleh itu, walaupun mereka hidup dalam serba kekurangan, mereka tidak pernah melupakan perkara wajib yang mereka pikul dan sentiasa menjalankan tanggungjawab mereka sebagai seorang umat Islam.

4.2.2.7 Masyarakat yang Hidup dalam Kesusahan

Seperti yang kita telah sedia maklum, bukan semua individu mempunyai nasib serta peluang yang luas dan cerah dalam kehidupan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap individu telah ditetapkan jalan hidup mereka yang berbeza-beza. Menurut Mohd Fauzi Mohd Harun (2006) menyatakan bahawa pada lazimnya, komuniti atau individu yang menghadapi halangan dalam sumber sosial dan ekonomi mengalami masalah taraf pendidikan yang mereka terima, pekerjaan seharian mereka serta faktor demografik sehingga perkara ini menjadikannya sesuatu situasi yang mencabar semata-mata demi memenuhi keperluan asas untuk meneruskan kehidupan mereka. Perkara ini termasuk ketidak upayaan mereka untuk mendapatkan sumber makanan, pendidikan dan pekerjaan yang stabil serta perumahan yang selesa dan dilengkapi dengan keperluan asas. Oleh itu pada lazimnya mereka sering bergantung kepada sumber

semula jadi, pendapatan harian yang tidak tetap atau bantuan daripada komuniti setempat.

“Tapi sekarang kalau tak lekas berikhtiar nak hidup macam mana esok. Aku dahlah macam ini, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Itu pun mujur ada pucuk paku, pucuk kemahang boleh kutip merata-rata. ada ikan kecil-kecil dalam paya boleh ditangguk. Kalau kena beli sayur, beli ikan di pasar. Tak hiduplah.”

(Rimba Harapan, 1988)

Teks di atas jelas menggambarkan pada bahagian ketiga halaman dua puluh lima yang menyatakan bahawa watak Pak Kia yang merupakan salah seorang penduduk Kampung Ketari yang hidup dihipit kesusahan serta serba kekurangan. Gambaran di atas jelas menunjukkan latar masyarakat yang hidup dalam keadaan yang tidak mencukupi dan penuh dengan kesusahan. Kehidupan Pak Kia yang digambarkan ini sepenuhnya bergantung kepada sumber alam seperti pucuk paku, pucuk kemahang serta ikan kecil yang diperolehinya dari paya yang menunjukkan senario ini menjelaskan tentang tahap ekonomi masyarakat yang sangat rendah. Misalnya, peribahasa kais pagi makan pagi, kais petang makan petang ini menggambarkan kehidupan Pak Kia sekeluarga yang bergantung harap kepada rezeki harian dan tidak mempunyai jaminan untuk masa hadapan mereka sekeluarga. Keadaan ini menunjukkan realiti masyarakat desa yang terpaksa bertahan dalam keadaan kemiskinan dan kekurangan sumber asas kehidupan. Oleh itu, latar masyarakat yang hidup dalam kesusahan ini dengan jelas menunjukkan penderitaan golongan bawahan yang terpaksa

bergantung harap kepada sumber daripada alam sekitar untuk meneruskan kehidupan seharian mereka.

4.2.2.8 Masyarakat yang Tidak Mudah Terpengaruh

Masyarakat yang tidak mudah terpengaruh merupakan sebuah kumpulan yang tidak mudah terpengaruh akan tekanan sosial, rayuan atau pengaruh dari dunia luar. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka ini pada lazimnya mempunyai pandangan serta pendirian mereka sendiri serta tidak mudah termakan akan suara-suara yang cuba mengubah pandangan mereka. Kathy Brodie (2025) berpendapat bahawa seseorang yang tetap pendiriannya ini mempunyai keupayaan untuk tidak mudah akur akan tekanan di sekelilingnya serta mereka lebih cenderung untuk melakukan penilaian mereka mengikut keselesaan diri mereka. Misalnya, tekanan yang diberikan oleh rakan sebaya, perspektif majoriti, iklan atau norma sosial yang dominan. Individu seperti ini menunjukkan pendirian yang teguh, keyakinan diri yang tinggi dan keupayaan untuk menilai tingkah laku atau maklumat dengan bijak. Nilai peribadi, prinsip moral serta pemahaman mereka tentang apa yang betul dan salah mendorong mereka, bukan hanya kerana orang lain juga berbuat demikian.

“Pak Abu bukannya orang cerdik yang banyak cingcong tapi bukan pula bodoh, mudah terpedaya dengan pujuk atau wang. Kadang-kadang memang susah untuk memujuk orang yang lurus. Pak Abu memang lurus.”

(Rimba Harapan, 1988)

Pada bahagian pertama halaman dua puluh lapan, Keris Mas telah menggambarkan Pak Abu yang jelas akan pendiriannya yang terdapat dalam karya *Rimba Harapan* ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang mempotretkan Pak Abu sebagai seorang individu yang tidak mudah cair mengikut alur pujuk rayu individu lain kerana Pak Abu ini mempunyai sikap berpegang teguh kepada pendiriannya tanpa terpedaya dengan pujukan serta pandangan individu lain walaupun Pak Abu ini digambarkan sebagai seorang yang lurus. Pak Abu juga digambarkan sebagai seorang individu yang menanamkan sifat sentiasa berpegang teguh kepada prinsip serta tidak mudah untuk dipengaruhi walaupun telah dimanipulasi. Oleh itu, Pak Abu ini jelas mempunyai ketahanan moral serta mental yang kuat kerana tidak mudah dipengaruhi oleh individu lain.

4.2.2.9 Masyarakat yang Mementingkan Diri

Kamus Dewan terkini Edisi Keempat (2025) menjelaskan bahawa penting diri membawa makna memberatkan ataupun mengutamakan diri dalam beberapa perkara atau konteks tertentu. Geert Hofstede (2011) berpendapat bahawa terdapat segelintir individu atau masyarakat yang individualistik atau yang pada lazimnya dan cenderung untuk meletakkan keperluan diri mereka di atas perkara atau individu lain. Isu ini dilihat berkait rapat dengan jurang dimensi di antara individualisme dengan kolektivisme yang mendorong kepada kegagalan mempunyai sikap simpati dan empati kepada masyarakat sekeliling. Oleh itu, perkara ini haruslah dibanteras kerana semakin ramai individu yang mementingkan diri, semakin terhakislah perasaan empati di dalam diri.

“Sikit berapa? Tuan Pekok itu mewakili sebuah syarikat lombong yang amat kaya. Kekayaan syarikatnya bukan saja boleh menterbalikan bumi Ketari ini malah boleh akhirnya menjahanamkan beratus keluarga yang miskin, macam Tutung, Tapa, Pak Abu dan lain-lain, termasuk kita ini semua.”

(Rimba Harapan, 1988)

Petikan di atas telah diambil daripada bahagian empat halaman tiga puluh satu, Keris Mas telah menggambarkan latar masyarakat yang mementingkan diri mereka yang terdapat pada watak Tuan Pekok. Hal ini dikatakan demikian kerana kuasa yang terdapat dalam genggamannya Tuan Pekok ini adalah sangat kuat dan besar impaknya kepada masyarakat sekeliling sehingga Tuan Pekok lebih mengutamakan keuntungan perniagaannya tanpa menghiraukan kesejahteraan masyarakat sekeliling. Misalnya, kuasa yang ada pada Tuan Pekok ini mampu mengugat nasib penduduk Kampung Ketari serta kawasan sekeliling yang akan mengancam alam sekitar mereka. Perkara ini juga boleh menyumbang kepada kemiskinan serta kehilangan sumber pendapatan bagi masyarakat setempat. Oleh itu, masyarakat yang mementingkan diri ini haruslah membuka mata hati mereka dan lihat impak-impak yang akan diterima oleh masyarakat setempat sekiranya mereka masih bersikap mementingkan diri.

4.2.2.10 Masyarakat yang Cekal

Seperti yang telah didefinisikan oleh Kamus Dewan terkini Edisi Keempat (2025) cekal ini membawa makna teguh, kuat serta tahan menderita. Hal ini

dikatakan demikian kerana istilah cecal ini membawa makna kekuatan mental serta ketabahan hati yang dialami oleh seseorang individu untuk menghadapi setiap ujian yang menimpa dirinya. Pada lazimnya, seseorang individu yang tabah ini sentiasa mempersiapkan dirinya dengan mempunyai prinsip yang teguh serta mempunyai nilai disiplin diri yang tinggi. Sebagai contoh, individu tersebut sentiasa mencari jalan penyelesaian yang relevan serta tidak mudah putus asa semasa menghadapi tekanan mahupun cabaran yang sedang menanti di hadapannya. Oleh itu, setiap individu sewajarnya sentiasa cecal dan kuat semasa berdepan dengan ujian serta situasi yang sukar agar mereka tidak mudah berputus asa dan terus maju melangkah ke hadapan.

“Aku tidak boleh jadi macam engkau Di. Engkau dulu sekolah, aku tidak. Engkau cerdik aku tidak. Engkau mengaji dengan guru-guru mursyid aku tidak. Engkau baca surat khabar, aku tidak. Tapi aku kuat. Aku rajin. Aku tegap. Dan aku senang memegang cangkul, memegang parang, memegang kapak.”

(Rimba Harapan, 1988)

Bahagian lima halaman empat puluh satu menyatakan bahawa masyarakat di Kampung Ketari ini bukanlah masyarakat yang tidak rajin berusaha demi ingin mengubah kehidupan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Kampung Ketari iaitu Pak Kia sentiasa cecal berusaha demi mengubah nasibnya sekeluarga tetapi disebabkan tekanan hidup dan keadaan sekeliling, Pak Kia terlepas beberapa peluang yang besar. Misalnya, Pak Kia membandingkan nasib dirinya dengan adiknya, Zaidi yang digambarkan mempunyai peluang yang lebih besar untuk mengubah nasibnya. Pak Kia yang

digambarkan sebagai seorang yang ringan tulang dan cekal walaupun dia lemah daripada segi pendidikan yang membezakan tahap pemikiran di antara Pak Kia dan Zaidi. Oleh itu, jelaslah dapat dilihat bahawa Pak Kia merupakan seorang individu yang cekal dan berguna kepada masyarakat sekelilingnya walaupun tidak mendapat peluang dalam dunia pendidikan yang setaraf dengan taraf pendidikan yang diterima oleh Zaidi.

4.2.2.11 Masyarakat yang Cintakan Ilmu

Haikal Yuri (2025) menyatakan bahawa cerminan kematangan serta kekuasaan sesebuah kelompok masyarakat terletak pada budaya membaca mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, budaya membaca dan dahagakan ilmu pengetahuan ini tidak sewajarnya diambil ringan atau tertakhluk kepada sesebuah golongan sahaja kerana bangsa yang membaca merupakan bangsa yang berjaya. Misalnya, golongan muda dan kanak-kanak mestilah didedahkan dengan bahan-bahan bacaan yang bermanfaat yang mampu melahirkan pemikiran yang kritis dan inovatif yang mampu membawa mereka selangkah ke hadapan. Oleh itu, penerapan sifat cintakan ilmu dalam diri setiap anggota masyarakat adalah sangat penting supaya dapat membantu dalam usaha melahirkan masyarakat yang sarat dengan nilai berpengetahuan yang tinggi serta membantu mereka bergerak ke hadapan seiring dengan peredaran waktu serta perkembangan zaman.

“Cikgu Nasir, walaupun sudah tua dan bukan pula guru terlatih seperti Cikgu Brahim, sudah lama pula tidak menjadi guru lagi, tetapi mudah menerima fikiran-fikiran baru kerana banyak membaca akhbar dan majalah. Dia membaca

majalah al-Ikhwan, Majalah Guru bahkan majalah Seruan Azhar dari Mesir. Dia pun membaca macam-macam majalah dan kitab dari Indonesia.”

(Rimba Harapan, 1988)

Novel *Rimba Harapan* yang dikarang oleh Keris Mas ini telah menggambarkan latar masyarakat yang dahaga serta cintakan ilmu seperti yang terdapat pada bahagian enam halaman empat puluh lima. Jika dilihat secara menyeluruh, cinta pada ilmu ini bukan hanya tergambar pada pendidikan formal semata-mata kerana Cikgu Nasir digambarkan sebagai seorang individu yang sentiasa membuka mindanya untuk menerima dan memahami pandangan serta ilmu baharu. Misalnya, Cikgu Nasir kerap membaca akhbar-akhbar yang hadirnya daripada pelbagai sumber yang menjadikan watak Cikgu Nasir sebagai seorang individu yang bersikap terbuka dan seluas lautan pengetahuan yang terdapat dalam dirinya. Oleh itu, watak Cikgu Nasir ini sewajarnya dicontohi masyarakat kerana ia mampu membantu dalam melahirkan generasi baharu yang cintakan ilmu pengetahuan yang mampu membawa mereka terus bergerak maju ke hadapan.

4.2.2.12 Masyarakat yang Berdikari

Asyikin Md Isa (2020) menyatakan bahawa menanamkan sifat berdikari dalam diri adalah satu usaha yang baik. Hal ini dikatakan berkait rapat dengan seseorang individu boleh mengenal pasti akan kebolehan serta potensi yang terdapat dalam diri masing-masing ke tahap yang paling maksimum. Misalnya, seseorang individu cuba mengenal pasti kemampuan serta kekuatan yang

terdapat pada dirinya untuk memajukan diri ke peringkat yang lebih tinggi dan ke hadapan. Masyarakat yang berdikari tidak hanya bergantung kepada sumber luar, tetapi juga menggunakan kebolehan, inovasi dan daya usaha mereka sendiri untuk membina kehidupan yang bermaruah. Konsep ini selaras dengan kajian literatur pembangunan komuniti tentang ciri kemandirian seseorang individu. Oleh itu, jelaslah dinyatakan bahawa individu yang berdikari bukan sahaja berkebolehan untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri tetapi mereka juga secara lazimnya mampu menjalankan usaha ekonomi dengan cara yang inovatif dan kreatif serta berupaya menjaga kestabilan kehidupan mereka tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan luar.

“Dalam kalangan mereka ini ada keturunan yang dulunya pandai mencari kekayaan, gigih melampan bijih, berani membuka kebun dan pandai berniaga membuka kedai di Bentong dan di Ketari ini.”

(Rimba Harapan, 1988)

Pada bahagian enam halaman empat puluh tujuh, pengarang telah menjelaskan tentang masyarakat Kampung Ketari yang tinggi nilai berdikarinya. Hal ini dikatakan demikian kerana Keris Mas menggambarkan bahawa masyarakat Kampung Ketari ini merupakan golongan masyarakat yang bijak mencari harta tanpa memerlukan bantuan daripada pihak lain. Masyarakat Kampung Ketari juga dilihat sebagai sebuah kelompok masyarakat yang mempunyai inisiatif tersendiri dengan memulakan aktiviti berkebun yang mampu meningkatkan sumber ekonomi keluarga dan masyarakat setempat. Pengarang juga menggambarkan masyarakat Kampung Ketari sebagai masyarakat yang

gigih berusaha demi mendapatkan sumber pendapatan individu serta keluarga masing-masing. Oleh itu, jelaslah dapat dilihat bahawa masyarakat Kampung Ketari merupakan sekelompok masyarakat yang berdikari dan tidak bergantung kepada mana-mana pihak untuk meneruskan kehidupan mereka.

4.2.2.13 Masyarakat yang Mementingkan Generasi Muda

Sebagai pewaris tenaga kerja, kreatif dan pemimpin masa hadapan yang akan meneruskan agenda pembangunan sosial, ekonomi serta politik kajian menunjukkan bahawa generasi muda memainkan peranan penting dalam pembangunan masa depan sesebuah masyarakat. Laporan *Youth Empowerment: Mechanisms and Strategies* yang disediakan oleh Fariq Tamqin (2024) menunjukkan bahawa majoriti individu menganggap bahawa golongan muda sebagai pemangkin kepada kemajuan serta inovasi dalam masyarakat dan berpendapat bahawa mereka berhak mendapat bantuan untuk memainkan peranan yang berkesan dalam proses ini. Penyelidikan mengenai peranan pusat belia juga menunjukkan bahawa ia adalah penting untuk generasi muda mendapat ruang bukan formal untuk perkembangan sosial, emosi serta kemahiran supaya mereka bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal tetapi juga boleh menyumbang kepada modal sosial yang kukuh dalam masyarakat. Oleh itu, generasi muda adalah sangat penting terutamanya dalam usaha pembangunan negara yang maju di samping dapat bergerak seiring dengan kepesatan ekonomi pada hari ini.

“Pak Kia tidak mahu anaknya menjadi salah seorang anak Melayu yang

hidup seperti kiambang terapung di air, ke atas tidak berpuuk ke bawah tidak berakar. Anak-anaknya mestilah berakar tunjang pada kehidupan cara ayahnya, cara nenek moyangnya.

(Rimba Harapan, 1988)

Keris Mas telah menyatakan petikan teks diatas pada bahagian keenam halaman empat puluh lapan yang menjelaskan tentang bahawa generasi muda mesti mempunyai asas kehidupan yang baik, identiti diri serta nilai budaya yang kukuh dan teguh supaya mereka tidak hilang arah, tidak lemah dan tidak terputus daripada akar tradisi dan sejarah mereka. Individu yang tidak mempunyai tunjang yang kuat dan kukuh akan mudah hanyut dan terpedaya, kehilangan identiti dan tidak mampu menangani cabaran kehidupan seperti gambaran kiambang yang terapung tanpa akar di dalam air. Dalam konteks ini, jelas dapat dilihat bawah watak Pak Kia berusaha untuk memastikan golongan muda terutamanya anak-anaknya menerima pendidikan yang mencukupi, pendidikan moral yang menjadi pembimbing mereka serta peluang mengenali diri mereka yang mencukupi agar mereka dapat menjadi pemimpin, pembina negara dan pewaris budaya yang berwibawa dan mampu untuk menempuhi segala cabaran kehidupan yang menanti mereka kelak.

4.2.2.14 Masyarakat yang Tidak Prihatin

Pembinaan sesebuah kelompok masyarakat yang prihatin bukanlah sesuatu perkara yang mudah untuk dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Kepu Sidi (2015) setiap individu mestilah berganding bahu untuk terus

sama-sama berusaha membangunkan negara yang aman serta damai dan tidak sewajarnya menggadaikan masa depan negara dengan tidak mempunyai sifat prihatin di dalam diri. Misalnya, sekiranya sesebuah masyarakat tidak mempunyai sifat prihatin di dalam diri mereka, amatlah sukar untuk mereka kekal bersatu padu dan bersama-sama menyelesaikan segala onak dan duri bersama. Oleh itu, setiap individu mestilah menanamkan sifat prihatin di dalam diri mereka agar dapat melahirkan sebuah masyarakat yang saling menjaga kebajikan sesama mereka.

“Bagaimanakah satu keputusan yang adil dapat diwujudkan terhadap orang-orang yang lurus dan jujur seperti ini. Mereka tidak akan pernah tahu bahawa mereka sedang dihalau ke hutan rimba untuk menghadapi kehancuran yang berpanjangan. Zaidi hanya dapat menyatakan kekecewaan dengan pandangan yang sugul ke muka Cikgu Nasir.

(Rimba Harapan, 1988)

Pada bahagian ketujuh halaman empat puluh lapan, pengarang telah menjelaskan tentang watak Zaidi yang bimbang akan nasib masyarakat Kampung Ketari terutamanya individu yang adil, jujur serta percaya pada kebenaran sering kali tidak dihormati dengan sewajarnya. Hal ini berkait rapat dengan situasi masyarakat yang tidak prihatin dengan nasib dan pengalaman orang lain, terutamanya mereka yang berada dalam bahaya atau kurang baik nasibnya. Masyarakat yang prihatin bukan sahaja memahami antara satu sama lain tetapi juga bertindak dengan baik untuk kebaikan bersama. Tanpa mengira latar belakang, masyarakat yang prihatin juga sering akan mengutamakan individu

yang berada dalam kesusahan di samping saling membantu demi kesejahteraan masyarakat setempat. Perkara ini selaras dengan idea bahawa masyarakat yang bertanggungjawab mengambil berat tentang persekitaran mereka dan sentiasa bersedia untuk membantu mereka yang memerlukan. Oleh itu, telah dapat dilihat bahawa kerjasama dan berganding bahu sememangnya dapat membantu seseorang individu untuk menjadi lebih bertanggungjawab serta lebih mendekatkan diri dengan masyarakat setempat dan perkara ini sekali gus dapat membantu dalam usaha melahirkan masyarakat yang lebih bertimbang rasa.

4.2.2.15 Masyarakat yang Hanya Ingin Kesenangan

Fenomena ini boleh dikaitkan dengan budaya materialisme yang menjelaskan tentang pemilikan harta benda, status sosial dan keseronokan duniawi yang dianggap lebih utama dan penting demi kebahagiaan yang sementara. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dikenali sebagai materialisme yang mengaitkan tentang kebahagiaan serta nilai diri seseorang dengan memiliki sesebuah objek material. Misalnya, mereka percaya mereka akan hidup senang dengan memiliki kekayaan dan kesenangan yang sementara itu sahaja. Selain itu, mereka lebih gemar mengukur kejayaan berdasarkan kebendaan semata-mata. Menurut Intan Shafinaz Ahmad (2019) terdapat kajian yang dijalankan oleh Belk (1985), individu yang materialistik ini seringkali menggunakan barangan yang mereka miliki untuk menunjukkan status mereka kepada masyarakat serta demi mendapatkan penerimaan sosial. Walau bagaimanapun, hal ini boleh menjejaskan kesejahteraan psikologi dan hubungan sosial mereka dengan masyarakat setempat.

“Zaidi melihat Mutu seperti melihat masa depan orang Ketari yang makin gelap. Sekarang ini memang semua orang Ketari seperti Mutu; sedang bergembira terkinja-kinja, bersiul di bibir, tersenyum dalam hati. Poket penuh dengan wang penjualan tanah. Nanti? Hanya Tuhan yang tahu betapa mereka akan menghadapi dan mengalahkan hutan rimba untuk meneroka hidup baru yang gelap. Atau terlonta-lonta di pekan pesara mencari sisa-sisa rezeki masyarakat bandar yang ganas.”

(Rimba Harapan, 1988)

Bahagian kedua halaman lima puluh sembilan pula menjelaskan tentang Mutu dan orang Kampung Ketari yang menunjukkan menggambarkan fenomena sosial di mana orang ramai hanya memikirkan keseronokan yang mereka alami sekarang tanpa memikirkan kesan serta apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Dalam petikan ini, masyarakat Kampung Ketari digambarkan sedang bergembira dengan wang yang diperoleh mereka daripada penjualan tanah. Walau bagaimanapun, mereka tidak menyedari bahawa kepuasan ini hanyalah untuk sementara waktu sahaja dan mungkin akan membawa impak serta masalah besar apabila mereka perlu menghadapi kehidupan yang lebih mencabar seperti terpaksa meneroka hutan rimba untuk membuka penempatan baharu atau terpaksa mencari rezeki di pekan. Oleh itu, situasi ini jelas menunjukkan ketidak siapan dan ketiadaan perancangan yang matang bagi masyarakat Kampung Ketari dan hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Kampung Ketari hanya mementingkan kepuasan fizikal serta keseronokan yang sementara berbanding dengan nilai kehidupan yang lebih mendalam pada masa akan datang.

4.2.2.16 Masyarakat yang Saling Berganding Bahu

Seperti yang kita sedia maklum, untuk melahirkan sifat perpaduan dalam masyarakat bukanlah perkara yang mudah untuk dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap anggota masyarakat mestilah mempunyai interaksi sosial yang baik kerana ia dapat membantu dalam mewujudkan sifat perpaduan di dalam diri setiap individu. Menurut Mohd Yusof Hussain (2011), beliau berpendapat bahawa hubungan perpaduan yang baik boleh dikecapi dengan sumbangan penduduk setempat yang menjalankan aktiviti yang dilakukan bersama misalnya aktiviti gotong-royong. Tun Dr. Mahathir, mantan Perdana Menteri Malaysia (1999) juga pernah menyatakan bahawa kualiti hidup masyarakat yang baik adalah salah satu komponen utama dalam usaha kemajuan sesebuah negara. Oleh itu, setiap anggota masyarakat hendaklah sentiasa bersatu padu dan berganding bahu demi membantu negara terus bergerak maju ke hadapan.

“Kedai Maidin didirikan dengan bantuan gotong-royong orang Janda Baik. Semua bahan untuk mendirikan kedai itu dibantu oleh orang Janda Baik dari hutan keliling. Merekalah yang meramu buluh dan mencencangnya menjadi pelupuh. Merekalah yang menebang kayu untuk tiang, peran, kasau dan belebas. Merekalah yang meramu bertam dan menganyamnya untuk dijadikan atap.”

(Rimba Harapan, 1988)

Pengarang telah menggambarkan tentang petikan di atas pada bahagian kedua halaman enam puluh satu yang menjelaskan tentang masyarakat Kampung Ketari yang saling membantu merujuk kepada amalan kerjasama komuniti atau atau juga dikenali sebagai gotong-royong. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti gotong-royong berlaku apabila penduduk kampung atau jiran tetangga bekerjasama secara sukarela untuk melaksanakan tugas komuniti demi mendapatkan kepentingan bersama. Kajian ini menunjukkan bahawa gotong-royong bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan kepentingan bersama semata-mata tetapi ia juga dapat membantu mengukuhkan modal sosial seperti kepercayaan, jaringan serta sifat tolong-menolong yang menjadi komponen penting untuk ketahanan sosial dan kesejahteraan. Aktiviti gotong-royong juga mampu membantu dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup setempat dengan meningkatkan perpaduan serta hubungan kejiranan serta sikap bertanggungjawab bersama. Oleh itu, untuk mengekalkan semangat kerjasama setiap anggota masyarakat mestilah sentiasa berganding bahu dalam apa jua keadaan sekalipun.

4.2.3 Latar Tempat

Seperti yang telah kita sedia maklum, latar tempat merupakan sebuah gambaran khusus yang dipotretkan oleh pengarang dalam karya penulisan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana latar tempat ini pada lazimnya merupakan gambaran tempat atau lokasi yang berlakunya sesuatu peristiwa dalam sesebuah cerita. Telah didapati juga bahawa latar tempat ini merupakan salah satu komponen penting yang harus dititik beratkan dalam teori formalistik kerana ia menyentuh

unsur intrinsik yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini. Oleh itu, dapat dilihat bahawa latar tempat ini sememangnya dapat membantu para pembaca untuk lebih memahami dan mendalami akan konteks serta isi yang digambarkan oleh pengarang semasa penyampaian mesej yang terdapat dalam novel ini dilakukan.

4.2.3.1 Dusun

Zainal Abidin Haji Zuhaili (2023) berpendapat bahawa latar merupakan salah satu peranan besar yang mempengaruhi dalam memberikan suasana kepada sesebuah peristiwa serta manusia yang digambarkan dalam sesebuah karya. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap latar akan dapat membantu para pembaca untuk lebih memahami serta merasai pengalaman yang cuba pengarang sampaikan kepada pembaca. Misalnya, latar tempat seperti Kampung Ketari yang menjadi tanah tempat masyarakat setempat membina serta menyempurnakan kehidupan mereka di Kampung Ketari tersebut. Oleh itu, jelas dapat dilihat bahawa latar tempat yang digambarkan pengarang dalam novel *Rimba Harapan* ini sememangnya dapat membantu para pembaca untuk lebih memahami dan mendalami latar belakang watak-watak yang dinyatakan oleh pengarang.

“Pak Kia bersama anak isterinya tinggal dalam dusun di tengah sawah. Bagi Pak Kia dan anak isterinya hujan memang perkara biasa.”

(Rimba Harapan, 1988)

Keris Mas telah menggambarkan latar tempat dusun di tengah sawah yang dapat dilihat pada bahagian pertama halaman satu. Pengarang telah menggambarkan bahawa Pak Kia dan keluarganya telah memilih untuk tinggal di dusun di tengah kawasan sawah. Pengarang telah menggunakan latar tempat dusun sebagai satu pembayang kepada kehidupan Pak Kia sekeluarga yang tinggal di Kampung Ketari. Perkara ini juga telah menguatkan lagi kenyataan yang menjelaskan Pak Kia yang bekerja keras untuk mengusahakan dusun tanamannya demi menyara kehidupan mereka sekeluarga. Latar tempat ini juga banyak memberi penjelasan tentang cara hidup seseorang individu yang dapat mempengaruhi kehidupan serta latar belakang kehidupannya. Pengarang juga menggambarkan bahawa kehidupan Pak Kia sekeluarga hanya mampu kais pagi makan pagi, kais petang makan petang kerana tahap ekonomi serta sumber pendapatan keluarganya yang hanya bergantung pada hasil tanamannya semata-mata. Oleh itu, tempat tinggal Pak Kia sekeluarga ini bukan sahaja menjadi tempat mereka berteduh malah di dusun ini jugalah menjadi tempat Pak Kia mendapatkan hasil pendapatan demi menyara kehidupan keluarganya.

4.2.3.2 Sungai

Sungai merupakan salah satu sumber yang penting dalam kehidupan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Mohd Ramzi Mohd Hussain (2021) menyatakan bahawa sungai berfungsi sebagai pembekal ekosistem yang mengandungi air bersih, hidupan air serta tanaman yang sememangnya penting dalam menyumbang kepada kelestarian alam sekitar sekaligus menyokong akan kewujudan biodiversiti yang seimbang. Malah bukan

itu sahaja, sungai juga telah menjadi kaedah pengangkutan yang digunakan terutamanya pada zaman dahulu dan di kawasan pendalaman. Oleh itu, telah dipertanggungjawabkan ke atas setiap individu untuk terus menjaga kebersihan sungai yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT agar setiap makhluk yang bernyawa dapat terus meneruskan kehidupan dengan wujudnya bekalan air bersih di sekitarnya.

“Apakah dibuat Sinah di rumah sekarang. Jangan hendaknya ada yang pergi memancing ke Sungai Bentong atau ke Kuala sungai Luar. Air Batang Gementi yang mengalir ke Sungai Luar dan Batang Bentong nampaknya tadi belum naik walaupun keruh. Dia nampak budak-budak memancing dalam hujan renyai-renyai dekat jambatan kayu itu.”

(Rimba Harapan, 1988)

Keris Mas seringkali menggambarkan sungai sebagai salah satu sumber penting terutamanya bagi masyarakat Kampung Ketari. Hal ini dikatakan demikian kerana seperti yang terdapat dalam teks pada bahagian pertama halaman sebelas yang menyatakan tentang aktiviti menangkap ikan yang dijalankan oleh penduduk Kampung Ketari sebagai salah satu cara mendapatkan sumber makanan. Begitu juga dengan latar tempat iaitu sungai yang menjadi salah satu sumber utama kehidupan masyarakat Kampung Ketari. Sungai Bentong merupakan salah satu sungai utama yang digunakan oleh penduduk Kampung Ketari untuk mendapatkan hasil sungai seperti ikan dan tanaman yang hidup di kawasan sekitarnya. Oleh itu, telah jelas dapat dilihat bahawa sungai merupakan anugerah daripada Tuhan yang terindah kerana ia merupakan sebuah

sumber terpenting dalam kehidupan manusia, haiwan dan tumbuhan untuk kekal meneruskan kehidupannya.

4.2.3.3 Surau

Kamus Dewan Edisi Keempat (2025) menyifatkan surau sebagai sebuah tempat beribadat yang pada lazimnya digunakan untuk mengerjakan solat, bermusyawarah serta untuk mendalami ilmu agama. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat setempat pada kebiasaannya akan berkumpul di surau untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan serta fungsi utama tempat ibadat seperti masjid dan surau ini digunakan sebagai tempat untuk menimba sebanyak-banyak ilmu agama di samping terus berusaha untuk meningkatkan syiar Islam dan bukannya digunakan sebagai tempat untuk memecah belahkan perpaduan masyarakat Islam. Misalnya, Nangkula Utaberta (2021) menyatakan bahawa tempat-tempat suci tersebut mestilah dijaga nilai kesuciannya dengan menjalankan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan manfaat dan membina masyarakat setempat. Oleh itu, aktiviti yang mendatangkan kesan buruk dan mencemarkan imej suci surau mahupun masjid haruslah dielakkan daripada berlaku agar kesuciannya tidak tergugat dan tercemar.

“Beberapa orang berkumpul dalam surau Cikgu Nasir mendengar tuan guru mengajarkan makna dan huraian sebuah hadis.”

(Rimba Harapan, 1988)

Gambaran latar tempat surau seperti yang telah dinyatakan dengan jelas oleh

pengarang dalam bahagian pertama halaman dua puluh satu yang menceritakan tentang latar tempat yang digunakan oleh masyarakat Kampung Ketari. Seperti yang telah digambarkan Keris Mas dalam novel *Rimba Harapan*, surau telah menjadi tempat penduduk Kampung Ketari berkumpul untuk menghadiri majlis ilmu dan menjalankan aktiviti keramaian. Majlis ilmu ini pada kebiasaanya akan dihadiri oleh kaum lelaki yang ingin menambah ilmu pengetahuan mereka tentang ilmu fardu ain serta fardu kifayah yang kemudiannya akan disampaikan kepada ahli keluarga mereka pula. Oleh itu, pengarang telah menggambarkan latar tempat iaitu surau sebagai sebuah tempat untuk menyampaikan ilmu yang dapat membantu dalam pembinaan sesebuah umat manusia yang baik serta dapat memahami tanggungjawab mereka dengan baik.

4.2.3.4 Balai Penghulu

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka terkini Edisi Keempat (2025), ‘balai’ secara amnya merujuk kepada bangunan atau dewan yang digunakan untuk pertemuan, mesyuarat atau aktiviti komuniti sesebuah masyarakat setempat. Balai adalah tempat masyarakat berkumpul untuk mendengar pengumuman penghulu, menyelesaikan urusan atau bermusyawarah tentang perkara penting di sesebuah kampung ataupun mukim. Oleh itu, balai penghulu bermaksud tempat rasmi di mana penghulu menjalankan tanggungjawab mereka serta menguruskan hal ehwal penduduk setempat. Mereka melakukan perkara ini dengan memberikan maklumat atau melaksanakan keputusan pentadbiran dan budaya di balai yang dinyatakan.

“Orang mulai bersurai. Semuanya menuju ke Balai Penghulu. Kebanyakannya berjalan kaki saja. Mana yang berbasikal tidak menunggangnya. Orang Benus dan orang Ketari tak ada yang tertinggal.”

(Rimba Harapan, 1988)

Petikan yang terdapat di atas pada bahagian kedua halaman enam belas menggambarkan keadaan penduduk kampung yang sedang berkumpul di balai penghulu, yang merupakan pusat pertemuan dan urusan komuniti setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana balai penghulu secara tradisional berfungsi sebagai lebih daripada sekadar bangunan kerana ia juga berfungsi sebagai tempat penghulu berhubung di antara satu sama lain dan dengan penduduk kampung. Jika dilihat dalam konteks masyarakat Melayu, istilah ‘penghulu’ merujuk kepada ketua atau pemimpin komuniti di peringkat mukim atau kampung, yang memegang jawatan administratif, sosial serta adat. Penghulu ini berfungsi sebagai perantara antara kerajaan dan penduduk serta menyampaikan maklumat, menyelesaikan pertikaian dan mengawasi kemajuan yang terdapat dalam mukimnya. Institusi penghulu wujud sejak zaman kesultanan dan kekal relevan sebagai simbol kepimpinan dan penyelarasan urusan rakyat di peringkat akar umbi.

4.2.3.5 Rumah Pak Kia

Rumah merupakan sebuah tempat yang menjadi tempat berteduh dan berlindung daripada segala ancaman bahaya dan menjadi syurga dunia bagi penghuninya. Hal ini dikatakan demikian kerana rumah juga penting untuk penjagaan kesihatan fizikal dan mental kerana ia menjadi tempat terbaik untuk

berehat dan menenangkan diri selepas seharian sibuk menjalani rutin harian di luar. Jika dilihat dari perspektif sosial pula, rumah adalah tempat di mana keluarga dan individu dibina kerana di premis ini wujudnya nilai murni, adat resam serta amalan kehidupan diajar dan dipraktikkan. Interaksi yang berlaku di dalam rumah juga menyumbang kepada pembentukan hubungan kekeluargaan yang erat dan harmoni, yang dilihat mampu dalam menghasilkan masyarakat yang seimbang. Selain itu, rumah menunjukkan budaya dan identiti penduduknya terutamanya dalam masyarakat tradisional yang boleh dilihat daripada segi reka bentuk dan susun atur rumah dianggap sebagai simbol prinsip, kepercayaan serta cara hidup mereka. Oleh itu, jelas bahawa rumah bukanlah sekadar struktur fizikal tetapi ia juga berfungsi sebagai asas untuk membina kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat secara keseluruhan.

“Pintu rumah Pak Kia dan tingkap-tingkapnya kelihatan masih tertutup. Makin dekat ke dusun makin jelas kelihatan rumah itu masih tertutup. Hairan. Sepanjang yang dia tahu abangnya tidak pernah bangun lewat membuka tingkap. Dari masa dia tinggal di dusun ini dulu Pak Kia membuka tingkap tiap lepas sembahyang Subuh.”

(Rimba Harapan, 1988)

Konteks petikan diatas yang terdapat pada bahagian kelima halaman tiga puluh enam menjelaskan tentang tentang pintu dan tingkap rumah Pak Kia yang kelihatan masih tertutup pada waktu pagi membawa makna yang berkaitan dengan kehidupan domestik dan rutin harian masyarakat. Jika dilihat pada perspektif yang berbeza iaitu pada tahap naratif, tingkap yang tidak dibuka pada

kebiasaannya menunjukkan sesuatu yang tidak biasa, ketiadaan, atau gangguan rutin. Rutin yang dinyatakan ini mencerminkan tentang tugas harian dan pengurusan rumah tangga dan apabila rutin ini terganggu, pembaca secara logik menganggapnya sebagai masalah atau perubahan dalam keluarga. Rumah bertutup juga boleh dianggap sebagai tanda privasi, penarikan diri atau bahkan tanda rumah ditinggalkan atau terbengkalai. Oleh itu, pembaca beranggapan ada sesuatu perkara yang telah berlaku di rumah Pak Kia.

4.2.3.6 Kebun Getah

Penanaman getah merupakan sebuah aktiviti ekonomi yang boleh mendatangkan keuntungan yang lumayan kepada pengusahanya. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Nor Shuhada (2021) yang berpendapat bahawa hampir keseluruhan getah di Malaysia terhasil daripada pekebun kecil getah yang juga merupakan sumber ekonomi penting negara ini. Terdapat beberapa faktor seperti keluasan kawasan tanah, pengurusan agronomi serta tenaga kerja yang memainkan peranan penting dalam produktiviti dan hasil tanaman getah. Sebagai contoh, perkembangan kebun getah di negeri Perak dilihat memberi impak signifikan kepada kemajuan sosial dan ekonomi penduduk tempatan melalui pembukaan peluang kerja dan peningkatan taraf hidup. Kebun getah menggambarkan landskap kampung tradisional di mana tanaman getah adalah komponen penting dalam kehidupan masyarakat luar bandar. Kebun getah bukan sekadar tempat untuk menanam tanaman malah ia juga adalah simbol ekonomi dan sosial masyarakat kampung Malaysia. Sejak awal abad ke-20, getah telah menjadi komoditi penting dan memainkan peranan besar dalam ekonomi

Tanah Melayu dan kemudian Malaysia. Oleh itu, getah telah menjadi menyumbang kepada pembangunan modal, peluang pekerjaan dan pendapatan untuk pekebun kecil dan penduduk luar bandar.

“Dulu kampung darat itu tidak ada. Yang ada hanya hutan. Dia memandang kehijauan kampung dan kehijauan kebun getah di belakangnya. Dia melihat tompok-tompok rumah di dalam kehijauan itu.”

(Rimba Harapan, 1988)

Bahagian kelima halaman tiga puluh sembilan, Keris Mas telah menggambarkan sebelum mereka membuka penempatan yang dikenali sebagai Kampung Ketari, hutan yang menghijau sahaja yang dapat dilihat oleh Zaidi dalam novel *Rimba Harapan* ini. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk membuka penempatan yang baharu bukanlah perkara yang mudah untuk dilakukan. Terlalu banyak perkara dan cabaran yang harus mereka tempuh dan lalui sebelum berjaya membuka penempatan baharu di sana. Sebagai contoh, masyarakat terpaksa berhadapan dengan pelbagai situasi cemas seperti ancaman daripada binatang-binatang buas, mendaki lereng-lereng bukit serta gunung yang curam dan memulakan kehidupan mereka tanpa sebarang asas kehidupan. Oleh itu, Zaidi terbayangkan hanyalah kebun getah dan hutan sahaja yang ada di sana sebelum di buka Kampung Ketari ini dibuka sebagai penempatan baharu.

4.2.3.7 Kampung Ketari

Perkampungan merupakan sebuah asas pembentukan sosial, ekonomi dan budaya yang menjadikannya penting dalam kehidupan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana perkampungan memupuk semangat kerjasama, tolong-menolong serta perpaduan dalam komuniti. Nilai murni seperti hormat-menghormati, muafakat dan tanggungjawab boleh dipupuk secara berterusan melalui kehidupan bermasyarakat di perkampungan. Melalui amalan tradisi, adat resam dan gaya hidup yang diwariskan turun-temurun, perkampungan juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan identiti dan warisan budaya masyarakat tempatan. Perkampungan berfungsi sebagai pusat kegiatan sara hidup seperti pertanian, perikanan serta perniagaan kecil yang memainkan peranan penting dalam menjamin kelangsungan hidup penduduk. Perkampungan bukan sahaja berfungsi sebagai tempat tinggal malah ia turut memainkan peranan yang penting dalam usaha membina masyarakat yang bersatu padu serta mempunyai identiti yang kukuh.

“Melarang jual tanah memanglah mustahil kerana akibat bah yang tidak dapat diatasi. Tetapi untuk tetap tinggal di Ketari memang masih ada jalan, berkebun getah, berusaha niaga, makan gaji dengan syarikat lombong Tuan Pekok.”

(Rimba Harapan, 1988)

Pengarang menggambarkan bahawa petikan yang terdapat di atas telah diperolehi daripada bahagian keenam halaman empat puluh enam yang menjelaskan tentang Kampung Ketari yang menjadi penempatan masyarakat setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana penempatan Kampung Ketari telah

di buka sejak berzaman lagi dan menjadi sebuah tempat membina masyarakat serta menjalankan aktiviti ekonomi setempat. Misalnya, masyarakat Kampung Ketari menjalankan aktiviti ekonomi seperti berkebun, bersawah serta menjalankan aktiviti perniagaan dengan membuka kedai runcit di sekitar kawasan penempatan tersebut dan bekerja dengan Tuan Pekok yang menjalankan aktiviti perlombongan demi menyara hidupnya sekeluarga. Oleh itu, Keris Mas menggambarkan dengan jelas beberapa contoh pekerjaan dan aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh masyarakat Kampung Ketari untuk meneruskan kehidupan mereka di sana.

4.2.3.8 Sawah

Seperti yang kita telah sedia maklum, menurut Dewan Bahasa dan Pustaka terkini Edisi Keempat (2025) istilah ‘sawah’ ini merujuk kepada kawasan tanah di mana air mengalir dan digunakan untuk menanam padi. Ia merupakan bahagian penting dalam sistem makanan dan ekonomi luar bandar Malaysia. Menurut kajian sosio ekonomi menunjukkan bahawa sawah serta pengusahanya menghadapi pelbagai isu kontemporari seperti pendapatan pesawah yang tidak stabil, pengurangan keluasan sawah serta isu sosial dan prestasi dalam rantaian pengeluaran padi yang semuanya menjejaskan kelangsungan hidup komuniti pesawah dan kemampanan pengeluaran beras tempatan. Sebagai tambahan kepada faedah ekonomi, Nur Munira (2019) berpendapat penyelidikan ekologi mendapati bahawa sawah padi menyokong kepelbagaian kehidupan alam sekitar seperti burung dan fauna dalam landskap

agrikultur. Oleh itu, hal ini menjadikan sawah sebagai sebuah habitat nilai ekosistem yang perlu diambil kira dalam dasar pengurusan tanah dan air.

“Dalam kalangan mereka ini ada keturunan yang dulunya pandai mencari kekayaan, gigih melampan bijih, berani membuka kebun dan pandai berniaga membuka kedai di Bentong dan Ketari ini. Sekarang semuanya telah pupus. Semuanya surut kepada cara hidup lama, kembali ke sawah.”

(Rimba Harapan, 1988)

Bahagian keenam halaman empat puluh tujuh, pengarang telah menunjukkan perubahan sosial serta ekonomi yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Kampung Ketari. Hal ini dikatakan demikian kerana generasi terdahulu dalam masyarakat Kampung Ketari digambarkan sebagai cekap, berani dan berdikari. Mereka mencari kekayaan melalui pelbagai aktiviti ekonomi seperti melampan bijih, mula menjalankan aktiviti perniagaan dengan membuka kedai di kawasan seperti Bentong dan Ketari. Mereka juga sering menunjukkan sifat usahawan yang proaktif dalam mengejar peluang ekonomi yang mampu membantu mereka memperkukuhkan lagi kedudukan sosial mereka melalui kecekapan dan keberanian yang ada pada mereka. Kemajuan dan kepakaran tersebut tidak bertahan seperti yang ditunjukkan oleh petikan ini. Sifat-sifat ini dikatakan ‘telah pupus’ daripada generasi baru-baru ini dan masyarakat mula kembali kepada cara hidup yang lama dengan tumpuan mereka diberikan kepada pengeluaran pertanian tradisional seperti mengusahakan sawah. Peralihan ini menunjukkan penurunan dalam aktiviti ekonomi atau perdagangan moden yang mereka ceburi pada masa lalu. Ini boleh disebabkan oleh faktor ekonomi, sosial

atau mungkin juga kerana kekurangan sumber. Dengan kata lain, masyarakat ini kembali kepada cara hidup yang lebih sederhana dan tradisional, menekankan pertanian sebagai cara utama untuk hidup.

4.2.3.9 Genting Sempah

Genting Sempah terletak di sepanjang Lebuhraya Kuala Lumpur menuju ke Karak di sempadan antara Selangor dan Pahang. Hal ini dikatakan demikian kerana ia menjadi titik perhentian utama bagi mereka yang pergi ke Genting Highlands atau ke pantai timur Semenanjung Malaysia sebelum meneruskan perjalanan mereka. Dipercayai juga bahawa nama ‘Sempah’ berasal daripada perkataan ‘sem’ yang merujuk kepada sempadan dan ‘pah’ yang merujuk kepada Pahang. Menurut Kelantan Daily (2025) lokasi geografinya sebagai pintu masuk utama ke negeri Pahang dari Selangor serta laluan utama yang menghubungkan Banjaran Titiwangsa melalui lebuhraya ini. Kawasan Genting Sempah terkenal dengan udara yang lebih sejuk dan pemandangan hutan yang menghijau, menjadikannya tempat yang sesuai untuk berehat. Tradisinya, pengguna jalan raya pada lazimnya akan berhenti di Genting Sempah sebelum adanya lebuhraya moden serta bas perniagaan menjadi lebih cekap.

“Di Genting Sempah kena berhenti sekurang-kurangnya setengah jam menyejukkan enjin dan mengisi air. Sekarang, dengan bas syarikat, perjalanan ke Kuala Lumpur paling lama dua jam setengah. Dulu pergi ke Kuala Lumpur mesti bertolak pagi-pagi dan membawa bekalan untuk makan di Genting Sempah.”

Jelas dapat dilihat pada bahagian kedua halaman lima puluh lapan, pengarang menggambarkan petikan ini bukan sahaja menceritakan tentang perjalanan itu tetapi ia juga menunjukkan perbezaan kehidupan tradisional dan moden dalam hal infrastruktur serta pengangkutan. Hal ini dikatakan demikian kerana ia telah menunjukkan bagaimana kemajuan dalam teknologi serta pembangunan infrastruktur boleh mengubah kehidupan harian masyarakat dan memudahkan aktiviti mereka. Pengalaman perjalanan tradisional ke Kuala Lumpur melalui Genting Sempah digambarkan dalam petikan ini yang menunjukkan bagaimana perjalanan telah berubah dari masa lalu kepada masa kini. Pada masa lalu, perjalanan ke Kuala Lumpur memerlukan persiapan yang teliti kerana jalan raya masih berbukit dan berliku-liku serta kenderaan yang kurang canggih. Pemandu dan penumpang mesti berhenti di Genting Sempah sekurang-kurangnya setengah jam untuk menyejukkan enjin kenderaan dan mengisi air untuk memastikan perjalanan selamat dan lancar. Oleh kerana perjalanan mengambil masa yang lama dan tiada kemudahan moden di sepanjang jalan, penumpang dan pelancong juga perlu membawa bekalan makanan. Oleh itu, kemudahan pengangkutan dan infrastruktur ini telah memudahkan lagi urusan seharian masyarakat untuk bergerak ke mana-mana sahaja.

4.2.3.10 Kedai Runcit Zaidi

Selain itu, kajian penyelidikan telah menunjukkan bahawa kedai runcit ia juga dikenali sebagai kedai kecil yang pada lazimnya berada di kawasan

perumahan yang memainkan peranan pelbagai fasa dalam ekonomi tempatan dan kehidupan sosial komuniti setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana perniagaan ini bukan sekadar menjadi tempat untuk membeli barangan keperluan asas tetapi ia juga berfungsi sebagai pusat aktiviti sosial dan ekonomi di kawasan perumahan terutamanya di kawasan luar bandar dan kawasan yang tidak mempunyai akses kepada pasar raya besar. Sebagai contoh, kedai kecil ini memberikan akses yang mudah kepada makanan serta barangan asas kepada penduduk setempat, membentuk corak pembelian dan tingkah laku pengguna dan akhirnya menyumbang kepada ekonomi tempatan melalui jualan yang konsisten dan dapat menjalinkan hubungan yang akrab di antara peniaga dengan pelanggan.

“Kedai Zaidi makin maju. Orang makin banyak membeli beras siam atau beras ranggung. Semenjak penjualan tanah selesai sudah ada sebelas orang membeli lampu pam dari kedai Zaidi saja. Minyak tanah makin laris. Ada yang membeli pakai tin tidak lagi pakai botol sekali seperti dulu. Susu, ikan sardin pun makin laris.”

(Rimba Harapan, 1988)

Bahagian pertama halaman lima puluh sembilan, kita dapat memahami bahawa kedai runcit seperti kedai runcit Zaidi yang memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan harian masyarakat setempat. Hal ini dikatakan demikian kerana perniagaan kedai runcit biasanya menjual barangan keperluan asas seperti beras, minyak tanah, susu dan ikan sardin. Peningkatan jualan menunjukkan pertumbuhan perniagaan yang menunjukkan permintaan pelanggan terhadap barangan runcit semakin meningkat. Kedai runcit dalam ekonomi mikro

tergolong dalam peruncitan yang menjual barangan dalam kuantiti kecil terus kepada pelanggan akhir untuk kegunaan peribadi dan rumah di samping didapati sebagai antara bahagian penting dalam sistem perniagaan runcit yang dilihat secara keseluruhan. Oleh itu, aktiviti peruncitan ini bukan sahaja beroperasi dalam bentuk kedai runcit konvensional malah ia juga melalui pelbagai jenis perniagaan yang menjual barangan keperluan harian kepada komuniti dan masyarakat setempat.

4.2.3.12 Kedai Runcit Maidin

Kedai runcit merupakan perniagaan kecil yang menjual barangan keperluan harian kepada pelanggan akhir secara langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana kedai runcit ini juga berfungsi sebagai lokasi penting dalam jaringan bekalan makanan dan perkhidmatan asas dalam sesuatu komuniti. Semua penjual runcit di Malaysia, termasuk kedai runcit kampung tradisional, tergolong dalam kategori penjual runcit dan tertakluk kepada peraturan dan garis panduan perdagangan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa iaitu Kementerian Perdagangan dalam Negeri. Kedai runcit kampung bukan sekadar tempat membeli-belah malah hal ini menunjukkan bahawa ia juga berfungsi sebagai ruang sosial serta titik perhentian bagi penduduk dan pengembara yang menawarkan peluang untuk berinteraksi secara peribadi, bertukar maklumat serta menyediakan akses mudah kepada barangan dapur untuk isi rumah yang biasanya masyarakat tidak mempunyai akses kepada pasar raya besar. Oleh itu, kedai runcit ini telah membantu memudahkan urusan masyarakat setempat dengan menawarkan perkhidmatan serta barangan keperluan asas mereka.

“Orang Janda Baik rela menolong Maidin kerana kedai itu perlu bagi mereka untuk jadi tempat perhentian dan penantian dalam perjalananturun naik ke jalan raya dan ke kampung asal mereka di Ketari dan Benus atau ke bandar Bentong. Kedai itu juga perlu bagi mereka nanti untuk mendapatkan barang-barang keperluan dapur dan sebagainya.”

(Rimba Harapan, 1988)

Jika dilihat pada petikan di atas yang terdapat pada bahagian kedua halaman enam puluh satu, Keris Mas menggambarkan bahawa penduduk Janda Baik menunjukkan sikap tolong-menolong dan semangat kerjasama mereka untuk membantu Maidin demi kepentingan bersama seperti yang telah digambarkan dalam petikan. Hal ini dikatakan demikian kerana kedai runcit Maidin bukan sahaja ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan sahaja tetapi ia juga telah menjadi tempat yang utama dan penting bagi penduduk setempat berhenti dan menunggu untuk pergi dari kampung ke jalan raya utama atau ke kawasan sekitar seperti Ketari, Benus dan Bentong. Masyarakat boleh menjalankan urusan harian mereka dengan lebih mudah dengan kewujudan kedai runcit ini terutamanya untuk mendapatkan keperluan asas mereka seperti barangan dapur tanpa perlu pergi jauh ke bandar. Ini menunjukkan bahawa kedai tersebut memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan dan kelangsungan hidup penduduk kampung. Oleh itu, keinginan masyarakat di Janda Baik untuk membantu Maidin menunjukkan nilai kemasyarakatan yang tinggi dan kesedaran betapa pentingnya kemudahan asas dalam kehidupan seharian orang luar bandar.

4.3 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, bab empat membincangkan kumpulan latar dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas secara menyeluruh yang mengutamakan aspek dalaman teks. Analisis latar masa, latar masyarakat serta latar tempat yang menunjukkan bahawa latar bukan sahaja menjadi simbolik kepada sesuatu suasana tetapi ia juga merupakan sebuah komponen penting dalam usaha untuk menggerakkan plot, membentuk watak serta menyampaikan mesej sosial dan kemanusiaan pengarang. Latar masa menunjukkan perjalanan kehidupan dan rutin masyarakat desa serta latar masyarakat pula menggambarkan pelbagai perspektif, nilai serta pemikiran penduduk Kampung Ketari. Latar tempat menunjukkan kehidupan luar bandar yang mencabar dan mempunyai pelbagai rintangan. Secara keseluruhannya, makna serta pengajaran yang ingin disampaikan kepada pembaca telah dipertingkatkan melalui pengolahan latar-latar yang dilihat berkesan serta sistematik.

BAB 5

5.0 RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, dapat dilihat pada keseluruhannya bahawa pengkaji akan merumuskan tentang kajian yang telah dihasilkan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini dilihat telah memfokuskan kepada kajian semiotik dalam garapan novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tentang gugusan latar yang terkandung dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas melalui pendekatan formalistik dan pengkaji akan merumuskan segala yang berkaitan dengan kajian dengan membuat satu rumusan keseluruhan yang terperinci serta padat dengan menyuntik komponen-komponen penting yang berkaitan dengan bab-bab yang telah dibincangkan dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji juga akan menerangkan semula isi-isi yang terkandung pada bab empat yang menerangkan tentang analisis serta dapatan kajian. Pada bahagian rumusan ini akan meliputi segala yang berkaitan dengan kefahaman novel, teori yang telah diaplikasikan serta gugusan latar yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini. Pengkaji juga akan mengemukakan beberapa pandangan serta cadangan yang didapati akan membawa manfaat kepada individu, masyarakat serta negara dalam usaha untuk membantu mereka menanam serta mencambahkan idea pemikiran mereka ke arah yang lebih kritis terutamanya dalam penghasilan kajian tentang gugusan latar yang terdapat dalam sesebuah teks novel.

5.2 Rumusan Kajian

Jika dilihat secara menyeluruh, pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian yang telah dihasilkan ini tidaklah dilakukan secara meluas. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji hanya memfokuskan kepada satu genre novel sahaja di samping pengkaji juga telah memutuskan untuk mengkaji gugusan latar yang terkandung dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini kerana pengkaji mendapati bahawa kandungan teks ini adalah bersesuaian dengan konteks yang ingin dikaji, jalan cerita yang menarik dan tersusun pada setiap bab serta memiliki unsur-unsur latar yang dapat pengkaji perolehi daripada teks novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini.

5.3 Implikasi Kajian

Kajian ini mendapati bahawa pengajaran kesusasteraan Melayu mempunyai impak yang besar pada masa kini terutamanya dalam membantu pendidik menyampaikan ilmu kepada anak didiknya. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dilihat dapat membantu para pendidik untuk melaksanakan strategi pengajaran yang lebih sistematik dan berfokus terutamanya kepada analisis elemen dalaman sesebuah teks. Analisis novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas yang termasuk latar masa, latar masyarakat serta latar tempat ini didapati boleh diaplikasikan oleh guru dan pensyarah untuk membantu pelajar memahami pembinaan makna tersurat dan tersirat dalam sesebuah karya sastra. Menurut pendekatan formalistik yang digunakan dalam kajian ini, peranan latar sebagai elemen utama dilihat sebagai salah satu struktur yang penting dalam usaha untuk membentuk tema, konflik serta mesej pengarang tunjukan kepada pembaca. Pengajaran yang menekankan hubungan antara pelbagai jenis latar membantu pelajar ini mampu

membantu dalam meningkatkan pemikiran kritis mereka. Ia juga dilihat dapat membantu mereka untuk lebih memahami bagaimana latar simbolik mencerminkan kehidupan masyarakat yang digambarkan dalam teks serta menggerakkan naratif penceritaan tersebut.

Kajian ini juga didapati mampu membantu meningkatkan pemahaman pembaca tentang fungsi dan makna latar dalam karya sastera di samping dilihat dapat membantu dalam usaha untuk memelihara warisan budaya. Melalui pendedahan kepada nilai budaya dan sosial yang tersirat melalui pelbagai latar belakang, pembaca memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang menghargai bangsa mereka sendiri. Hal ini juga dilihat dapat membantu mereka mengukuhkan jati diri mereka dalam menghadapi cabaran yang dibawa oleh arus pemodenan serta fenomena global. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa gugusan latar dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini membawa kesan yang besar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Ia juga dilihat memainkan peranan penting dalam usaha membina budaya, mengekalkan nilai serta mengukuhkan identiti masyarakat. Oleh itu, perbincangan seterusnya akan menumpukan kepada kesan kajian terhadap individu, terutamanya dalam membentuk kesedaran, pemikiran dan kefahaman tentang peranan latar yang terkandung dalam karya sastera Melayu.

Jika dilihat daripada perspektif budaya dan identiti masyarakat pula, kajian ini menunjukkan bahawa gugusan latar *Rimba Harapan* memainkan peranan penting dalam membina dan mengekalkan identiti masyarakat Melayu, terutamanya masyarakat luar bandar semasa era penjajahan. Untuk mencerminkan cara hidup, nilai serta pandangan dunia masyarakat Melayu pada masa itu, latar tempat di kawasan pedalaman, latar masa

penjajahan British dan latar masyarakat yang berhadapan dengan kemiskinan, penindasan serta konflik pemikiran dibangunkan. Oleh itu, jelaslah dapat menunjukkan bahawa sastera bukanlah semata-mata hasil ciptaan pengarang sebaliknya ia berfungsi sebagai sebuah komponen yang mengilustrasikan pengalaman dan budaya masyarakat kepada para pembaca yang telah berakar umbi dalam konteks sosial dan sejarah tertentu.

5.3.1 Implikasi Kajian Kepada Individu

Pembinaan jati diri, kesedaran sejarah serta pemikiran kritis adalah antara aspek yang penting dan dipengaruhi oleh kajian ini. Hal ini dilihat telah membantu pembaca untuk memahami bahawa karya sastera bukan sekadar bacaan hiburan malah ia bergerak sebagai satu komponen yang menunjukkan realiti kehidupan masyarakat pada era tertentu. Melalui pembacaan novel *Rimba Harapan* karya Keris Harapan, pembaca boleh mengenal pasti pelbagai jenis penindasan, kemiskinan, konflik pemikiran dan perjuangan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu luar bandar apabila mereka telah didedahkan kepada kuasa kuku besi yang mampu mengawal dan memberikan kesan yang mendalam terhadap kehidupan mereka. Apabila pembaca mempunyai pemahaman yang mendalam tentang perkara ini, mereka secara tidak langsung akan menjadi lebih peka dan sedar tentang sejarah serta perkara ini akan dapat membantu mereka untuk lebih memahami kesukaran yang dihadapi oleh generasi terdahulu. Selain itu, dengan menggunakan pendekatan formalistik ini dilihat dapat membantu mengajar pembaca untuk menganalisis teks secara sistematik, objektif dan berpusatkan pada struktur, bahasa serta teknik penceritaan karya. Oleh itu, keupayaan intelektual, nilai estetika dan keindahan sastera Melayu boleh dipertingkatkan dalam kalangan pembaca.

5.3.2 Implikasi Kajian Kepada Masyarakat

Kajian ini telah banyak membantu meningkatkan kesedaran kolektif tentang perubahan yang telah berlaku dalam masyarakat Melayu sejak penjajahan serta arus pemodenan. Analisis latar dalam novel *Rimba Harapan* menunjukkan bagaimana masyarakat luar bandar menghadapi konflik antara tradisi dan kemodenan serta tekanan ekonomi dan sosial yang disebabkan oleh dasar kolonial. Kajian ini membantu masyarakat kontemporari untuk lebih memahami akar isu sosial yang dihadapi oleh masyarakat terdahulu. Ia juga menimbulkan kesedaran tentang betapa pentingnya mengekalkan nilai budaya, adat resam serta kepentingan identiti bangsa. Kajian ini juga menekankan peranan sastera sebagai alat pendidikan yang boleh menyampaikan nasihat, kritikan dan juga pengajaran dengan cara yang halus tetapi akan meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca. Melalui pemahaman ini, pembaca boleh merenung semula akan cara kehidupan hari ini supaya mereka tidak mengabaikan nilai kemanusiaan, perpaduan dan semangat kebersamaan yang telah menjadi asas kepada masyarakat yang hidup aman serta sejahtera di bawah satu negara yang merdeka.

5.3.3 Implikasi Kajian kepada Negara

Identiti nasional, wacana intelektual serta sistem pendidikan negara adalah contoh utama kesan kajian ini terhadap negara. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian tentang gugusan latar dalam novel *Rimba Harapan* sebagai sebuah sastera tempatan memainkan peranan penting sebagai rekod sosial dan sejarah yang merakamkan pengalaman bangsa selepas penjajahan. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu negara mengekalkan pemahaman kolektif rakyat tentang perjuangan, penderitaan dan

daya tahan masyarakat Melayu dalam menghadapi penjajahan daripada cengkaman kuku besi serta perubahan zaman. Selain itu, teori formalistik yang diaplikasikan dalam kajian ini memberikan pendekatan analisis yang sistematik dan ilmiah yang dilihat dapat menyumbang kepada pembangunan bidang akademik serta kritikan sastera di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga boleh diaplikasikan sebagai rujukan dalam bidang pendidikan, terutamanya dalam pengajaran kesusasteraan Melayu agar dapat membantu generasi muda dalam memahami sejarah, budaya serta identiti negara melalui teks sastera. Secara tidak langsung, penyelidikan ini telah menyokong usaha negara untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan, bersemangat patriotik serta menghargai warisan akademik dan kesusasteraan tempatan sebagai sebuah asas untuk membina negara bangsa yang kukuh dan berpengetahuan tinggi.

5.4 Cadangan

Pada bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan serta pandangan yang didapati bersesuaian dan dilihat dapat diambil serta beberapa usaha yang boleh dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab terutamanya dalam bidang kesusasteraan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap cadangan yang dikemukakan ini dilihat sebagai salah satu komponen yang utama dan penting agar para pengarang akan membuat penambah baikkan yang lebih terperinci serta mengekalkan kualiti tinggi bagi bahan atau karya yang akan dihasilkan pada masa akan datang. Oleh itu, cadangan yang akan dinyatakan serta diusulkan ini akan menyentuh tentang beberapa komponen penting yang haruslah dipertimbangkan.

Sebagai cadangan pertama, pengkaji berpendapat bahawa kajian ini boleh digunakan untuk memperbaiki beberapa isu yang terdapat dalam latar masyarakat seperti yang telah digambarkan oleh Keris Mas. Hal ini dikatakan demikian kerana isu kesedaran sosial dan perubahan masyarakat desa mempunyai kaitan dengan sikap masyarakat terhadap kepentingan pendidikan, tahap kemiskinan yang tinggi, kepercayaan tahayul serta penerimaan pembangunan dan pembaharuan yang ingin dilakukan dalam masyarakat Kampung Ketari tersebut. Jika dilihat dari sudut pandang yang berbeza pula, kajian ini dilihat berkemampuan untuk meneliti bagaimana latar ini bukanlah sekadar gambaran suasana tetapi ia juga berfungsi sebagai sebuah platform yang diaplikasikan untuk kritikan sosial yang mencerminkan ketidakseimbangan kuasa, jurang ekonomi yang terdapat dalam masyarakat Kampung Ketari dan konflik nilai tradisi dengan kemodenan. Perkara ini dilihat mampu dicapai melalui analisis latar yang lebih berfokus kepada fungsi serta implikasi kajian. Oleh itu, kajian tentang gugusan latar yang digambarkan dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas boleh membantu dalam meningkatkan pemahaman tentang peranan sastera sebagai medium untuk berfikir dan mengubah pemikiran serta meluaskan pengetahuan ilmu masyarakat.

Selain itu, pengkaji juga berpendapat bahawa pengarang harus memfokuskan pada fungsi latar sebagai teknik naratif. Hal ini dikatakan demikian kerana gambaran latar yang dinyatakan dalam novel *Rimba Harapan* ini didapati terlalu deskriptif dan berulang. Misalnya, perkara ini dapat dilihat pada huraian tentang latar masa, latar masyarakat serta latar tempat yang sering diulang dengan cara penerangan yang hampir sama tanpa membezakan fungsi estetikanya yang jelas dan terperinci. Perkara ini dilihat sebagai salah satu komponen yang penting kerana ia dapat membantu

menjelaskan bagaimana sesebuah latar tertentu dapat mencipta ketegangan, ironi atau simbolisme dalam struktur jalan cerita atau plot novel ini. Selain daripada hanya menjelaskan isi cerita, analisis boleh diperkukuh dengan membandingkan peranan latar dalam bab tertentu dan menilai bagaimana ia menyumbang kepada perkembangan tema dan konflik. Oleh itu, kajian ini memfokuskan pada penceritaan semula peristiwa berbanding analisis struktur dalaman latar sebagai unsur pembinaan makna dan kajian ini selaras dengan tuntutan pendekatan formalistik dengan menggunakan petikan daripada teks.

Cadangan ketiga pula merupakan kajian lanjutan perlu menghubungkan latar dengan konsep formalistik secara jelas. Hal ini dikatakan demikian kerana ia tidak memasukkan konsep penting dalam teori formalistik seperti keutuhan struktur sesebuah teks serta fungsi bahasa yang indah. Sebagai contoh, ia dilihat boleh membantu dalam menjelaskan bagaimana pengolahan latar tempat seperti alam sekitar dan masyarakat luar bandar dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini mencipta kesan unik atau mengubah cara pembaca melihat kehidupan desa dalam keadaan realiti. Dengan mengambil kira akan komponen penting ini, kajian akan menjadi lebih teoritikal dengan pendekatan ini serta ia akan memenuhi keperluan analisis sastera formalistik. Walaupun pendekatan formalistik dinyatakan sebagai kerangka utama kajian, teori ini masih bersifat umum serta tidak digunakan secara analitik terhadap data latar yang dibincangkan.

Cadangan yang keempat pula boleh dilihat latar boleh dibahagikan mengikut tahap kepentingannya dalam pembinaan plot serta tema. Hal ini dikatakan demikian kerana komponen ini akan membantu pembaca untuk lebih memahami serta dapat

membezakan latar teras daripada latar sokongan. Pendekatan ini dapat membantu dalam menonjolkan lagi keteguhan struktur karya ini di samping dapat memperlihatkan bagaimana sesebuah latar tertentu menjadi paksi utama kepada keteguhan keseluruhan naratif. Kajian ini menyenaraikan pelbagai latar masa, masyarakat serta tempat yang berbeza tetapi ia tidak mengkaji tentang latar mana yang paling dominan atau berfungsi sebagai asas struktur cerita novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas ini. Oleh itu, perkara ini telah menyebabkan pembaca menghadapi kesukaran untuk memahami keutamaan dan hubungan antara gugusan latar-latar yang dibincangkan.

Akhir sekali, pengarang dilihat telah mengehadkan perbincangan tentang nilai sosial kepada konteks tekstual. Misalnya, kajian perlu melihat dan membincangkan tentang bagaimana dialog, perlakuan watak dan struktur penceritaan membina latar masyarakat tanpa melihat secara eksplisit menilai baik atau buruknya. Perkara ini dilihat sebagai salah satu kelemahan yang boleh ditambah baik agar analisis latar yang dilihat terlalu luas ini tidak mengaburkan fokus kajian teori formalistik di samping mengekalkan perbincangan yang lebih cenderung untuk membincangkan isu sosial, moral serta nilai kemasyarakatan. Oleh itu, kajian akan kekal dalam kerangka formalistik dan akan lebih konsisten dari segi metodologi serta objektifnya.

5.5 Kesimpulan

Keseluruhannya, kajian ini telah meneliti dan menganalisis pelbagai latar yang terdapat dalam novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas yang terdiri daripada latar masa, tempat dan masyarakat. Kajian ini juga telah menggunakan pendekatan formalistik sebagai kerangka analisis utama. Kajian ini mendapati bahawa latar membentuk makna, konflik serta mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang di samping ia juga berfungsi sebagai komponen tambahan dalam naratif. Latar belakang telah digambarkan dengan teliti dan realistik dari tahun 1920-an hingga 1930-an, termasuk kawasan pedalaman Pahang seperti Ketari, Bentong dan Janda Baik. Novel ini juga menggambarkan tentang masyarakat Melayu luar bandar yang menghadapi tekanan penjajahan British. Oleh itu, latar-latar ini saling berkaitan dan membentuk satu kesatuan yang kuat yang menekankan tema perjuangan, penindasan, kemiskinan dan usaha masyarakat untuk mengekalkan maruah mereka serta identiti bangsa.

Selain itu, penggunaan teori formalistik dalam penyelidikan ini telah membantu pengkaji memahami keindahan dan keunikan struktur dalaman teks tanpa bergantung sepenuhnya pada perkara yang berlaku di luar kajian. Keupayaan Keris Mas untuk mengolah latar sebagai alat penceritaan yang berkesan telah ditunjukkan oleh penggunaan prinsip formalistik seperti autonomi sastera, penekanan terhadap struktur dalaman dan bahasa sebagai elemen estetika. Kajian ini juga menunjukkan bahawa teori formalistik berjaya menyingkap makna yang mendalam yang dilihat terkandung dalam teks melalui analisis bahasa, simbol dan teknik penceritaan walaupun teori ini sering dikritik kerana mengetepikan konteks sosial dan sejarah. Oleh itu, perkara ini

menunjukkan bahawa teori formalistik masih relevan dan berkesan apabila digunakan secara kritis dan seimbang dalam kajian sastera Melayu.

Akhir sekali, kajian ini menunjukkan bahawa novel *Rimba Harapan* karya Keris Mas bukan sahaja mempunyai nilai estetika yang tinggi tetapi ia juga berfungsi sebagai dokumen sosial dan sejarah yang menggambarkan pengalaman masyarakat Melayu dalam usaha memperjuangkan hak-hak mereka. Peranan latar dalam mencerminkan perjuangan masyarakat, membina jati diri bangsa dan memperkukuh identiti nasional telah dipertingkatkan melalui kajian ini. Oleh itu, diharapkan kajian ini akan menjadi rujukan berguna kepada pengkaji sastera, pelajar dan pendidik dalam usaha untuk memperluaskan wacana akademik tentang kesusasteraan Melayu. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa sastera adalah alat penting untuk merakam sejarah, menyuarakan keadaan semasa masyarakat dan membentuk pemikiran generasi kini dan akan datang.

Bibliografi

- A. Aisyah. (2011). *Pendekatan Formalisme*.
- A. A. Noraziah. (2014). *Analisis Leksikal Budaya Dalam Rimba Harapan dan Terjemahannya La Jungle De L'Espoir*. Universiti Malaya.
- A. G. Abdul. (2014). *Ciri-Ciri Usahawan dan Korporat Melayu Terpuji Di Dalam Rimba Harapan dan Saudagar Besar Dari Kuala Lumpur*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- <https://core.ac.uk/download/pdf/322457053.pdf>
- A. K. Mohd. (2018). *Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman*. Universiti Malaysia Sarawak.
- <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/315?>
- A. M. Nur. (2019). *Sumbangan Sawah Padi kepada Kepelbagaian Burung di Semenanjung Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- A. S. Intan. (2019). *Model Cadangan Kajian Mengenai Faktor Peribadi Pengguna dalam Menerangkan Keinginan Membeli Produk Tiruan Berjenama Mewah*. Universiti Utara Malaysia.
- A. S. Nor. (2021). *Analysis of Production Factors for The Rubber Smallholder Sector in Malaysia*. Universiti Malaysia Kelantan.
- <https://journal.umk.edu.my/index.php/jeb/article/view/419>
- A.Z. A. Nadzarul. (2023). *Cabaran Pemodenan Pendidikan Negara*. Sinar Harian.
- <https://www.sinarharian.com.my/article/252827/suara-sinar/analisis-sinar/cabaran-pemodenan-pendidikan-negara>
- B. Kathy. (2025). *Social Influence: The Psychology of Independent Thinking*.
- D. Kelantan. (2025). *Genting Sempah: Sempah itu Bermaksud Sempadan Pahang*.

- D. Matzidi. (2016). *Asalnya Kampung Tiga Haji, Ditukar Kepada Janda Baik*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/02/121964/asalnya-kampung-tiga-haji-ditukar-jadi-janda-baik>
- D. M. Mohamad., & Y. Zabidah. (2005). *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*. Kawah Buku.
- F. Mohamad. (2025). *Islam Memuliakan Perempuan, Kenapa Kita Masih Merendahkan?*. Zayan Syok. <https://zayan.syok.my/zayan-pit-stop/trending/islam-mengangkat-darjat-wanita>
- F. Rahma. (2021). *Pengertian Cerpen: Struktur, Fungsi, Ciri, Unsur dan Contoh Cerpen*. Sastra. <https://www.gramedia.com/literasi/pengertian-cerpen-struktur-fungsi-ciri-unsur-dan-contoh-cerpen/>
- G. Hofstede. (2011). *Dimensionalizing Cultures: The Hofstede Model in Context*. Online readings In Psychology and Culture. <https://scholarworks.gvsu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1014&context=orpc>
- H. A. Rahimah. (2004). *Fiksyen Pascakolonial: Kajian Bandingan Terhadap Karya Keris Mas dengan Mochtar Lubis*. Universiti Sains Malaysia. <https://erepo.usm.my/items/d5b16b91-4266-459e-a938-bdf10ee7c265>
- H. A. Zainal. (2023). *Citra dan Latar Kota dalam Sajak*. Suara Sarawak. <https://suarasarawak.my/citra-dan-latar-kota-dalam-sajak/>
- H. D. Mohd., & K. Rohaidah. (2015). *Mesej Pengarang: Satu Penelitian terhadap Novel Anak Titiwangsa Karya Sasterawan Negara Keris Mas*. Universiti Putra Malaysia. <https://docslib.org/doc/2181449/satu-penelitian-terhadap-novel-anak-titiwangsa-karya-sasterawan-negara-keris-mas>

- H. M. F. Mohd. (2006). *Kemiskinan di Kalangan Masyarakat orang Asli*. Jurnal Ekonomi Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
https://www.ukm.my/jem/wp-content/uploads/2021/06/jeko_40-5.pdf
- H. M. Mohamad. (2009). *Teori Sastera Tempatan dalam Mengharungi Arus Globalisasi*.
<https://aduweh.blogspot.com/2009/09/teori-sastera-tempatan-dalam.html>
- H. M. R. Mohd. (2021). *Sungai Anugerah Yang Terindah*. Sinar Harian.
<https://www.sinarharian.com.my/article/124227/khas/pendapat/sungai-anugerah-yang-terindah>
- H. Nazirah. (2020). *Elemen Latar Dalam Novel Thriller Legasi Tombiruo*. Universiti Putra Malaysia.
<https://iukl.edu.my/rmc/wp-content/uploads/sites/4/2021/06/6.-Nazirah.pdf>
- H. Y. Mohd. (2011). *Hubungan Kejiranan dalam Membentuk Kesejahteraan Hidup Masyarakat 'Kampung Bandar': Kes Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.
https://journalarticle.ukm.my/2364/1/5.2011-3-Yusof_dkk_ukm-melayu-ed-katiman%5B1%5D-edited_30.7.pdf?
- H. Z. Amir. (2021). *Sejarah Tempatan Sebagai Subjek Novel Melayu Mutakhir*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- I. Hashim. (2019). *Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti*. Universiti Malaya.
- I. M. Asyikin. (2020). *Anak Berdikari, Aspek Penting dalam Kehidupan*. Hello Doktor.
- I. Nazirah., & R. A. Muhammad Alif. (2020). *Elemen Latar Dalam Novel Thriller*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.

- J. A. Amin. (2019). *Novel Makna Sebenar Sebuah Ladang: Satu Persoalan Pascakolonial*. Wordpress.
<https://aminjamaluddin.wordpress.com/pewajaran-akal-fikiran-kritikan-sastera/>
- J. Wee. (2017). *Tingkah Usaha Bina Masyarakat Penyayang, Saling Membantu*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/11/883876/tingkat-usaha-bina-masyarakat-penyayang-saling-membantu>
- Kawah Buku. (2024).
- Kamus Dewan Terkini Edisi Keempat. (2025).
- Kelvin. (2019). *Masjid, Surau Bukan Sekadar Rumah Ibadat*. Utusan Borneo Online.
<https://www.utusanborneo.com.my/2019/03/06/masjid-surau-bukan-sekadar-rumah-ibadat>
- M. Ariff. (2020). *Memahami dan Menguasai Kesusasteraan Dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur.
<https://anyflip.com/ovxzy/zltn>
- M. B. N. Siti. (2022). *Budaya Penyayang Dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori Dan Praktis*. Universiti Teknologi Malaysia.
<https://repo.uum.edu.my/id/eprint/1804/1/7.pdf>
- Mimbar Kata. (2013). *Perkembangan Kritikan Sastera Malaysia*.
- M. Mahathir. (1999). *Kata Alu-Aluan Kualiti Hidup Malaysia 1999*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Kuala Lumpur.
- M. Mohamad. (2019). *Jati Diri Pembentuk Identiti Bangsa*. Utusan Borneo Online.
<https://www.utusanborneo.com.my/2019/03/01/jati-diri-pembentuk-identiti-bangsa>
- M. M. Fadlil. (2019). *Kajian Teori Formalisme dan Strukturalisme*. Universiti Gadjah Mada.

- M. M. K. Zafir. (2025). *Mudahkah Kita Berubah?*. Sinar Harian Online.
<https://www.sinarharian.com.my/article/15726/mudahkah-kita-berubah>
- M. Mizhar. (2017). *Rimba Harapan – Keris Mas*. Lensa Hati Kenitra.
- M. Nasrullah. (2025). *Formalism*. Literary Theory and Critism.
- M. Suhaila. (2017). *Latar Masa, Tempat, Masyarakat*. Kawah Buku.
- O. H. B. Ani. (2015). *Pendidikan Sastera Remaja di Malaysia dalam Membina Generasi Unggul Berasaskan Falsafah Pendidikan Negara*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- P. A. A. Awang. (2009). *Menulis Dengan Budaya Pascakolonial: Analisis Catatan Kembara*. Jurnal Pengajian Media Malaysia. Jilid 11.
<https://mjs.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/32666/13661>
- P. Yuda. (2025). *Apa itu Latar Waktu, Suasana dan Tempat? Ini Pengertian dan Contoh*. Karya Sastra.
- R. A. R. Mohd. (2020). *Hidup Perlu Berlandaskan Panduan Agama*. Harian Metro.
<https://www.hmetro.com.my/addin/2020/05/583526/hidup-perlu-berlandaskan-panduan-agama>
- R. A. Yuli. (2022). *Penggunaan Analisis Konten dan Analisis Tematik*. Universiti Esa Unggul.
https://digilib.esaunggul.ac.id/public/UEU-Journal-23187-11_2247.pdf
- S. Amalia. (2023). *Penentuan Awal Waktu Maghrib Menurut Imam Al-Ghazali dalam Kitab Ihya' Ulumuddin*. Universiti Islam Negeri Walisongo.
https://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/20601/1/Skripsi_1902046008_Amalia_Solikhah.pdf
- S. B. A. Nabeela. (2025). *Taudhih al-Falak: Fajar Sadiq dalam Menentukan Permulaan Waktu Solat Subuh*. Jabatan Mufti Negeri Selangor.

<https://www.muftiselangor.gov.my/2025/07/03/15-taudhih-al-falak-fajar-sadiq-dalam-menentukan-permulaan-waktu-solat-subuh>

Sinar Harian. (2021). *Latar Imaginasi Kehidupan*. Kuala Lumpur.

<https://www.sinarharian.com.my/article/147942/khas/pendapat/latar-imaginasi-kehidupan>

S. Husain. (2010). *Konsep Tahyul: Pengaruh dan Implikasi dalam Islam*. Universiti Putra Malaysia.

S. Inthumathi. (2024). *Analisis Formalistik Terhadap Pengkritikan Filem*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

S. Mana. (2009). *Teori Sastera Kontemporari*. Pustaka Karya.

S. M. Kamaruddin. (2007). *Minda Orientalis dan Minda Pasca-Kolonial: Politik Membaca Hikayat Hang Tuah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

<https://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/583/3982>

S. Kepu. (2017). *Rakyat Perlu Amal Sikap Prihatin*. Utusan Borneo Online.

<https://www.utusanborneo.com.my/2015/05/17/rakyat-perlu-amal-sikap-prihatin>

T. Fariq. (2024). *Youth Empowerment: Mechanisms and Strategies*. Youth Empower.

U. Nangkula. (2021). *Critical Analysis on the Role of Mosque As An Educational Institution Within the Contemporary Muslim Society In Malaysia*. Universiti Tun

Hussein Onn. <https://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/537?>

W. N. Khuzairey. (2021). *Keris Mas: Penolakan terhadap Feudalisme Melayu*. Gerak Malaysia.

W. R. Belk. (1985). *Trait Aspects of Living in The Material World*. Journal of Consumer Research.

Wisdomlib. (2025). *Maksud Matahari Terbit*. Wisdom Library.

Y. Haikal. (2025). *Budaya Membaca Tunjang Peradaban Bangsa*. Jendela Dewan
Bahasa dan Pustaka.

<https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2025/07/29/12904/?utm>

Z. H. A. Zainal. (2023). *Citra dan Latar Kota dalam Sajak*. Suara Sarawak.

<https://suarasarawak.my/citra-dan-latar-kota-dalam-sajak/>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN